




Perbelanjaan negeri jimat RM127.6 juta

TAHANIAH penjawat awam



KEJAYAAN Selangor mencatatkan peningkatan hasil pada 2015 berjumlah RM2.53 bilion adalah antaranya hasil dedikasi, kesungguhan dan profesionalisme penjawat awam serta sokongan rakyat.

Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Noordin Sulaiman mahu usaha diganda dan dipertingkatkan bagi menghasilkan kejayaan pada 2016 yang dijangka berhadapan suasana ekonomi getir.

Sementara itu, Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua penjawat awam di atas pencapaian itu.

Gagasan pembangunan berkualiti, rakyat dipeduli menjadi teras pentadbiran Kerajaan Negeri dengan berpegang prinsip jujur dan telus.

Ikuti berita lanjut di MUKA 3

Gambar oleh Aseria Saniie

Selangor bentuk jawatankuasa tertinggi atasi sampah haram

OLEH NAZLI IBRAHIM

SUBANG JAYA - Kerajaan Negeri akan menubuhkan jawatankuasa tertinggi bagi memantau dan mengambil tindakan keras terhadap pihak terlibat aktiviti pembuangan sampah haram di Selangor.

Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata jawatankuasa tertinggi itu memberi fokus terhadap isu sampah haram di tanah milik individu dan aktiviti pembuangan

haram di rizab sungai.

Katanya, Kerajaan Negeri tidak teragak-agak untuk merampas tanah individu yang membenarkan aktiviti pembuangan sampah haram di tanah mereka.

"Saya kesal kerana aktiviti pembuangan sampah haram termasuk sampah domestik dan industri berleluasa hingga menceburkan sungai serta sistem perairan. Ada juga aktiviti menambah sungai secara haram oleh pihak tidak bertanggungjawab.

"Saya mengambil keputusan bersama Pegawai Daerah dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) untuk memulakan proses merampas tanah milik individu yang membenarkan aktiviti haram dan ini dimulakan serta-merta," katanya ketika mengadakan lawatan kerja sehari di Kampung Bukit Lanchong dan Kampung Seri Aman, di sini, baru-baru ini.

Mohamed Azmin berkata, Jawatankuasa tertinggi itu akan diketuai Setiausaha Kerajaan

Negeri (SUK) Selangor, Datuk Mohd Amin Ahmad Ahya selain membabitkan pegawai daerah, Yang Dipertua MPSJ dan agensi lain seperti Jabatan Parit dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan pihak berkuasa seperti polis.

Katanya, tindakan itu perlu diambil bagi menjadikan Selangor sebagai negeri bersih dan memberi kemakmuran serta ke sejahteraan kepada rakyat.

Lawatan itu turut disertai

Exco Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Datuk Ahmad Yunus Hairi; Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Zaidy Abdul Talib; Exco Kerajaan Tempatan, Ean Yong Hian Wah dan beberapa pemimpin tempatan.

Terdahulu, Mohamed Azmin turut meluangkan masa bermu dan bersarapan dengan penduduk kampung di Gerai Ayam Penyet kampung terbabit.

Penduduk kampung teruja dengan kedatangan Mohamed Azmin.

OLEH HAZAYANI ZAKARIA

SHAH ALAM - Pakatan Harapan tidak lagi menggunakan pakai prinsip 'setuju untuk tidak bersetuju' seperti dahulu.

Setiausaha Agung KEADILAN, Rafizi Ramli, berkata mana-mana parti yang melanggar perjanjian bersama bakal dipecat.

"Prinsip bersetuju untuk tidak bersetuju tidak lagi boleh digunakan dalam Pakatan Harapan," katanya ketika membentangkan Perjanjian Pakatan Harapan dalam Persidangan Pimpinan Pakatan Harapan, pada 9 Januari lalu.

Beliau membentangkan tiga fasal pertama iaitu keputusan bersama, pembinaan kesatuan politik dan penyelesaian pertikaian daripada tujuh fasal perjanjian.

Setiausaha Organisasi Nasional DAP, Anthony Loke pula membentangkan fasal empat dan lima iaitu dasar bersama serta perjalanan pilihan raya.

"Pakatan Harapan akan melantik satu calon sahaja untuk mewakili sesuatu pilihan raya di mana-mana peringkat.

"Majlis presiden perlu mempertimbangkan faktor parti manakah yang mempunyai kebarangkalian paling tinggi untuk menang dalam pilihan raya itu," katanya.

Manakala, fasal enam dan tujuh iaitu perjalanan kerajaan,

Persidangan Pimpinan Pakatan Harapan

Tiada lagi konsep 'setuju untuk tidak bersetuju'



pembangkang serta keabsahan Pakatan dibentangkan Setiausaha Organisasi Amanah, Suhaizan Kairyat.

"Fasal tujuh Perjanjian Pakatan Harapan menghuraikan prinsip yang diguna pakai untuk menentukan status Pakatan Harap-

pan jika ada pelanggaran mana-mana perkara yang dipersetujui dalam perjanjian ini.

"Kita belajar daripada kesila-

pan dulu, tak ada kuasa untuk mengambil tindakan ke atas parti yang melanggar perjanjian," katanya.

DAP perlu bangkit atasi persepsi negatif Melayu

SHAH ALAM - Kajian Institut Darul Ehsan (IDE) mendapati 70 peratus Melayu tidak senang dengan DAP dan ia adalah isyarat untuk pemimpin parti itu dan ahlinya mengatasi persepsi itu secara serius.

Penasihat DAP, Lim Kit Siang, berkata persepsi negatif itu memerlukan tindakan segara pimpinan dan penyokong DAP agar tidak mengambil mudah kajian dijalankan IDE.

Dalam kajian dilakukan IDE antara 13 - 15 November 2015 melibatkan 1,716 responden Melayu di Selangor menunjukkan dua pertiga (72 peratus) bersetuju DAP adalah parti perkauman yang hanya melihat kepada kepentingan masyarakat Cina.

Hanya 12 peratus tidak setuju manakala 16 peratus menyatakan mereka 'tidak pasti'.

Kit Siang berkata, DAP adalah parti untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, agama dan negeri.

Katanya, sepanjang sejarah negara selama 58 tahun parti itu memperjuangkan nasib semua kaum termasuk apa yang dibuktikan Ketua

Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng yang dipenjara di Kajang kerana mempertahankan hak dan maruah anak perempuan Melayu dalam satu kes di Melaka.

"Adakah ada pemimpin Umno, MCA, MIC atau Gerakan memperjuangkan hak mengatasi sempadan bangsa dan agama dalam tempoh enam dekad untuk memperjuangkan nasib yang berbeza agama dan bangsa," kata-

nya dalam kenyataan.

Menteri, Datuk Seri Najib Razak kekal berkuasa.

Lebih baik susulan beberapa ke-

nyataan PAS sejurus berlangsungnya Ijtima' Pilihan raya PAS Selangor didapat menjurus kepada parti gabungan Pakatan Harapan.

Bagaimanapun, majlis itu ber-

"Perkara paling penting dalam negara ini ialah menghentikan kemudaran rakyat akibat dari pentadbiran Najib, bagi meringankan beban rakyat," kata kenyataan itu.

Kenyataan bersama itu ditandatangani Ketua Setiausaha Pakatan Harapan, Datuk Saifuddin Abdullah; Setiausaha Agung PKR, Rafizi Ramli; Setiausaha Organisasi Kebangsaan DAP, Loke Siew Fook dan Setiausaha Agung Amanah, Mohamad Anuar Tahir.

Perlu tumpu isu bela rakyat

SHAH ALAM - Semua pimpinan Pakatan Harapan diminta tidak terjebak dalam polemik politik tidak berkesudahan kerana ia mengalihkan perhatian daripada isu pemborosan Umno BN dan keserasian hidup rakyat.

Majlis Setiausaha Pakatan Harapan dalam kenyataan media bersama berkata, majlis bimbang polemik politik berlebihan tidak disenangi rakyat sekaligus memberi kelebihan kepada Perdana

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak kekal berkuasa.

Lebih baik susulan beberapa ke-

nyataan PAS sejurus berlangsungnya Ijtima' Pilihan raya PAS Selangor didapat menjurus kepada parti gabungan Pakatan Harapan.

Bagaimanapun, majlis itu ber-

"Perkara paling penting dalam negara ini ialah menghentikan kemudaran rakyat akibat dari pentadbiran Najib, bagi meringangkan beban rakyat," kata kenyataan itu.

Kenyataan bersama itu ditandatangani Ketua Setiausaha Pakatan Harapan, Datuk Saifuddin Abdullah; Setiausaha Agung PKR, Rafizi Ramli; Setiausaha Organisasi Kebangsaan DAP, Loke Siew Fook dan Setiausaha Agung Amanah, Mohamad Anuar Tahir.

Amanah perlu buktikan kredibiliti

SHAH ALAM - Pakatan Harapan menandatangani perjanjian tata-

nah memperoleh lapan kerusi.

Pensyarah Undang-Undang Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Ahmad Martadha Mohamed, berkata Amanah perlu membuktikan kredibiliti mereka sebagai parti politik berwibawa sebelum mampu membuat tuntutan bertanding dalam PRU-14.

Beliau berkata, Amanah juga seharusnya berterima kasih kepada rakan komponen Pakatan di Selangor kerana bermurah hati memberikan lapan kerusi ahli majlis PBT kepada mereka.

"Amanah tidak wajar mohon lebih kerusi, mereka belum ada kredibiliti. Pemimpin mereka dulu parti lain, tidak wajar minta lebih kerusi," katanya.

Beliau berkata, kepimpinan Pak-

atan Harapan juga sudah pasti menilai keupayaan Amanah sebelum menyerahkan mana-mana kerusi untuk dipertandingkan parti itu pada PRU-14

"Apa dilakukan Pakatan di Selangor refleksi kepada yang berlaku kepada mereka dalam pembahagian kerusi untuk PRU-14," katanya.

"Kita juga tidak pasti calon Amanah mampu memenangi kerusi dalam PRU-14," katanya.

Pensyarah Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Aris Arif Mundayat berkata, Amanah mempunyai kekuatan lebih kecil berbanding rakan dalam Pakatan.

"Amanah lebih kecil, kekuatan mereka belum terbukti dan masih baru serta struktur ahli majlis PBT," katanya.



Profesionalisme penjawat awam dipuji

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Nordin Sulaiman memuji dedikasi, kesungguhan dan profesionalisme penjawat awam yang berjaya meningkatkan hasil negeri berjumlah RM2.53 bilion.

Katanya, Perbendaharaan Negeri, Pejabat Tanah dan Galian serta Pejabat Daerah dan penjawat awam berazam meneruskan usaha meningkatkan pendapatan kutipan dari masa ke semasa.

"Saya ucapkan tahniah dan terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada penjawat awam secara langsung dan tidak langsung dalam usaha meningkatkan hasil negeri.

"Kita akan terus berusaha meningkatkan hasil negeri untuk tahun ini," katanya kepada SelangorKini.

Noordin berkata hasil usaha itu berjaya meningkatkan prestasi terbaik untuk negeri berbelanja demi kepentingan rakyat.

Katanya, dengan peningkatan hasil itu menunjukkan peningka-

tan RM558 juta berbanding anggaran perbelanjaan asal.

"Pada 2014, hasil sebenar dikutip sebanyak RM2.225 bilion. Namun, berbanding dengan sehingga 31 Disember 2015, kutipan meningkat lebih RM300 juta daripada jumlah itu.

"Ia agak ketara dengan apa yang dianggarkan dalam ucapan Belanjawan 2015 yang mengalami deficit sebanyak RM452 juta. Hikmatnya, anggaran deficit menjadi lebihan RM232.7 juta," katanya.

ANTARA KUTIPAN HASIL 2015

- Royalti bahan bantuan pasir RM41.8 juta
- Premium tanah RM152.6 juta
- Pelabur RM97.6 juta
- Cukai Tanah RM473 juta
- Cukai Parit RM33.9 juta
- Cukai Hasil Hutan RM48.4 juta
- Cukai Hiburan RM51.7 juta

Lori buang sisa binaan 'kantois' dengan MB

SUBANG JAYA - Seorang pemandu lori yang cuba membuang sisa bahan binaan berhampiran tebing sungai di Kampung Bukit Lanchong, di sini, gagal menyelamatkan diri apabila lori yang dipandunya tersebut di bahu jalan yang licin.

Aktiviti tidak bertanggungjawab itu berjaya dikesan Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali dan delegasi ketika lawatan kerja meninjau masalah pembuangan sisa binaan secara haram di tebing sungai.

Mohamed Azmin berkata, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) akan mengenakan tindakan tegas dengan menyita lori berkenaan.

"Saya berharap penduduk kampung tidak bersubhat dengan berkerjasama untuk menghalang lori masuk membuat sampah binaan di tebing sungai kerana perbuatan ini akan menyebabkan sungai menjadi sempit dan banjir mudah berlaku," katanya di sini, pada 8 Januari lalu.

Lawatan itu turut melibatkan MPSJ, Pejabat Tanah dan Daerah

Petaling, Jabatan Parit dan Saliran (JPS) dan beberapa jabatan lain.

Sebelum itu, Mohamed Azmin turut membuat tinjauan mengejut di satu lagi lokasi yang terletak tidak berapa jauh dari situ.

Bagaimanapun, penjaga kawasan pembuangan sampah haram itu sempat menghilangkan diri ketika Mohamed Azmin sedang melakukan tinjauan.

SelangorKini difahamkan tanah tapak pembuangan haram itu dimiliki seorang individu yang mengambil keuntungan dengan mengekancah caj kepada kontraktor binaan yang membuat sampah di situ.

"Saya kesal dengan aktiviti pembuangan sampah yang kita percaya sudah beroperasi beberapa tahun. Kerajaan Negeri sudah mengarahkan MPSJ supaya mengeluarkan notis untuk merampas tanah terbabit," katanya.

Selain kawasan pembuangan sampah haram, Mohamed Azmin turut meninjau kawasan pembinaan projek LRT yang mengakibatkan banjir di Jalan Besar berhampiran Kampung Bukit Lanchong.



Lebihan sasaran RM558 juta

Hasil negeri 2015 catat RM2.53 bilion

SHAH ALAM - Hasil Selangor mencatatkan lebihan RM558 juta daripada anggaran asal hasil RM1.97 bilion menjadikan jumlah sebenar RM2.53 bilion sehingga 31 Disember 2015.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata perbelanjaan sebenar mencatatkan penjimatan berjumlah RM127.6 juta.

Beliau berkata perbelanjaan

mengurus yang disasarkan 95 peratus berjaya dicapai manakala perbelanjaan pembangunan mencatatkan 94.61 peratus melebihi daripada sasaran sebanyak 90 peratus.

"Tahniah dan penghargaan kepada pegawai dan anggota perkhidmatan awam Selangor yang bekerja kuat meningkatkan hasil dan membangunkan negeri," kata Mohamed Azmin di

twitternya.

Beliau berkata gagasan pembangunan berkualiti, rakyat dipeduli menjadi teras pentadbiran Kerajaan Negeri dengan berpegang prinsip jujur dan telus.

"Terima kasih Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Nordin Sulaiman dan seluruh pegawai di Perbendaharaan Negeri yang bekerja secara profesional," katanya.

KSU Negeri baru angkat sumpah



SHAH ALAM - Setiausaha Kerajaan Negeri yang baru, Datuk Mohamad Amin Ahmad Ahya mengangkat sumpah jawatan dan taat setia di hadapan DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, pada 11 Januari lalu.

Istiadat angkat sumpah jawatan dan taat setia itu dilaksanakan di Istana Bukit Kayangan yang turut dihadiri Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Mohamad Amin, 54, bersaral dari Sungai Lang, Banting berkelulusan Sarjana Muda Sastera dan Sains Sosial (Kepujian) Universiti Malaya dan mula berkhidmat sebagai penjawat awam pada tahun 1989.

Anak kelahiran Selangor itu, sebelum ini merupakan Pengarah Tanah dan Galian Selangor dilantik bagi menggalas jawatan terbabit berkuatkuasa 4 Januari lalu mengantikan Datuk Setia Mohammed Khusrin Munawi yang bersara pilihan selepas

berkhidmat selama lima tahun.

Pelantikan itu menepati peruntukan sebagaimana yang dikehendaki di perenggan (a), Fasal 2, Perkara 52 Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959.

Seterusnya, beliau menjadi Ahli Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengikut peruntukan Seksyen 11 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003.

Baginda turut berkenan menyampaikan pengurniaan watak pelantikan YDM Engku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya Kuala Langat, Timbalan Mufti Selangor dan Ketua Pendaftar serba Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk Orang-Orang Islam.

Yang Mulia Tengku Mohamed Tengku Harin dilantik menjadi Yang Dihormatkan Engku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya Kuala Langat menggantikan Datuk Uzair Tengku Zainon Rashid

Shah yang meletak jawatan kerana masalah kesihatan.

Kerabat Diraja Selangor itu juga merupakan pesara kerajaan. Tugas itu bagi mewakili Sultan Selangor di daerah terbabit serta bertanggungjawab memastikan rakyat jelata hidup dengan aman sejahtera dan harmoni, hal ehwal Agama Islam dijaga dan dipelihara dengan sempurna serta tempat warisan negeri diselenggara dengan baik.

Selain itu, Dr Anhar Opir dilantik menjadi Timbalan Mufti Selangor menggantikan Datuk Abdul Majid Omar yang meletak jawatan atas sebab kesihatan.

Manakala, Salwana Ahmad Dahlan dilantik sebagai Ketua Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk Orang Islam dan Zaki Arshad, Farhan Wijaya, Darul Akmal, Khairul Naim Ramli dan Nordin Bayadi dilantik sebagai Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk Orang Islam.

SHAH ALAM - Fenomena El Nino kini dikategorikan sebagai 'kuat' dan dijangka suhu negara meningkat antara 0.5 dan dua darjah celsius.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Datuk Che Gayah Ismail, berkata kekerapan hujan negara dijangka berkurangan antara 20 hingga 60 peratus bermula bulan ini.

Beliau berkata, impak El Nino yang kuat itu berterusan sehingga April dengan negeri di utara Semenanjung sudah mula menerima kesan fenomena itu.

Katanya, impak El Nino kuat itu turut dirasai semua negeri di Semenanjung, Sabah serta Bahagian Miri dan Limbang di Sarawak menjelang hujung bulan ini.

"Kalau kita lihat rekod, suhu maksimum negara semasa dilanda El Nino pernah mencecah 40.1 celsius pada 1998.

"Kami tidak menolak kemungkinan situasi yang sama bakal

Berlarutan sehingga April

MetMalaysia ramal El Nino kali ini 'kuat'

berulang," katanya dipetik Bernama.

El Nino adalah fenomena pemanasan suhu permukaan laut yang berlaku dalam tempoh enam bulan berturut-turut setiap dua hingga empat tahun di timur Lautan Pasifik.

Ia boleh menyebabkan rantai perubahan iklim berlaku di seluruh dunia dan antara kesannya ialah hujan lebat di se-setengah kawasan, sementara di kawasan lain, berlaku kemarau berpanjangan.



Fenomena El Nino juga mendatangkan kesan besar kepada negara berikut

- Tengah dan Selatan India
- Tengah dan Timur Laut Thailand
- Tengah dan Selatan Filipina
- Utara Kemboja
- Timur Indonesia
- Papua New Guinea
- Negara kepulauan Pasifik

Orang ramai disaran jaga kesihatan



Dr Noor Hisham

SHAH ALAM - Cuaca panas dan kering yang berpanjangan boleh menyebabkan seseorang lebih berisiko mengalami dehidrasi dan strok haba.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, menasihatkan orang ramai supaya bersiap sedia dan mengambil tindakan sewajarnya bagi mengurangkan kesan terhadap kesihatan akibat fenomena itu.

"Cuaca panas terlalu bo-

leh menyebabkan seseorang kerap berpeluh dan kesannya, cecair dalam tubuh akan berkurangan seterusnya menyebabkan individu tersebut mudah berasa letih dan kurang bertenaga," katanya dalam keadaan.

Beliau berkata, musim kering berpanjangan boleh menyebabkan beberapa masalah seperti krisis bekalan air, cuaca panas, kebakaran hutan dan jerebu selain berisiko me-

nimbulkan beberapa penyakit berkaitan.

Antara penyakit berkaitan ialah penyakit bawaan air dan makanan, penyakit bawaan vektor seperti demam dengan penyakit berkaitan jerebu iaitu jangkitan pada saluran atas pernafasan (URTI), asma dan konjunktivitis.

"Kanak-kanak dan warga emas adalah antara mereka yang paling berisiko mendapat penyakit ini," katanya.

SPAN: Pantau empangan, sedia alternatif

SHAH ALAM - Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) masih belum menerima sebarang laporan kekurangan sumber air disebabkan cuaca panas.

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Datuk Ismail Kasim, berkata SPAN meminta supaya semua negeri melalui operator air memantau rapi empangan dan sungai membekalkan sumber air mentah ke loji rawatan air di negeri masing-masing.

Katanya, selain daripada sumber air di empangan dan sungai, Kerajaan Negeri juga diminta mengkaji sumber alternatif seperti air bawah tanah dan kolam takungan bagi menambah sumber.

"Pengguna dinasihatkan berhemah dalam menggunakan air dan tidak membazir supaya sumber air yang ada bertahan lebih lama," katanya dalam kenyataan.

Katanya, walaupun cuaca panas mula dirasai, namun bekalan air di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan masih lagi dalam keadaan terkawal.



FENOMENA EL NINO

Fenomena El Nino yang sedang melanda seluruh dunia bermula sederhana dan sempadan Pasifik pada akhir 2015, kini meningkat meliputi sebahagian besar Asia dan Pasifik

Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB)

Fenomena El Nino ini dijangka boleh menyebabkan pengurangan jumlah hujan antara 20 peratus – 60 peratus

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)

Rekod 1998, suhu maksimum negara semasa dilanda El Nino pernah mencecah 40.1 celsius

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia)

Kes denggi dijangka naik 50%

SHAH ALAM - Fenomena El Nino yang melanda negara ini boleh menyebabkan peningkatan kes denggi sehingga 50 peratus berikutan cuaca panas, kering dan suhu tinggi.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata fenomena itu menyebabkan kitaran hidup nyamuk Aedes daripada telur ke peringkat nyamuk dewasa semakin singkat iaitu kurang dari tujuh hari, sekali gus menyebabkan populasi nyamuk meningkat.

"Selain itu, suhu panas menyebabkan nyamuk lebih aktif dan frekuensi menggigit mangsa adalah tinggi selain penye-

baran virus lebih meluas.

"Situasi akibat fenomena El Nino memberi kesan tabiat vektor dan masyarakat, dan pada tahun ini, ia dijangka berupaya menyebabkan peningkatan kes denggi sehingga 50 peratus," katanya dalam keadaan.

Menurutnya fenomena El Nino menyebabkan hujan berkurangan dan isu bekalan air berlaku, yang memaksakan masyarakat menangkap air bagi menampung bekalan air harian.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan orang ramai supaya memastikan tiada pembiakan Aedes di kawasan mereka.





Pembenihan awan. Gambar hiasan.

Usaha tingkat sumber air dipergiat

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri akan melaksanakan operasi pembenihan awan dalam masa terdekat dan beberapa inisiatif lain bagi memastikan kesinambungan bekalan air dibekalkan kepada pengguna.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata pembenihan awan dijalankan seperti 2015 di beberapa kawasan tadahan dan lembangan sungai bagi meningkatkan kuantiti sumber air.

Katanya, Kerajaan Negeri juga akan meneruskan dan menguruskan operasi pengepaman air dari kolam takungan di sekitar Bestari Jaya tanpa mengabaikan soal kualiti sumber air terbabit.

"Operasi pengepaman sudah bermula pada 8 Januari yang lalu dengan jumlah pengeluaran sebanyak 200 juta liter sehari (JLH). Jumlah pengeluaran ini ditingkatkan lagi dengan berfasa daripada 10 kolam digunakan," katanya dalam kenyataan pada 12 Januari lalu.

Zaidy berkata, pihaknya akan memastikan pelepasan air empangan dilaksanakan secara optimum dengan mengambil kira sumber air sedia ada.

(lihat grafik 1)

Mengulas lanjut berhubung keupayaan takungan empangan, Zaidy berkata, Kerajaan Negeri mampu menyediakan

Grafik 1

Anggaran jangka hayat takungan empangan ke tahap simpanan kritis (tanpa hujan)

Empangan	Jangka Hayat (Hari)
Klang Gate	106
Langat	80
Tasik Subang	220
Batu	189
Semenyih	229
Sungai Selangor	134
Sungai Tinggi	67

Grafik 2

STATUS TAKUNGAN EMPANGAN AIR (setakat 12 Januari 2016)

Empangan	Status (%)	Kapasiti (juta m³)
Sungai Selangor	100	220.00
Tasik Subang	99.8	38.52
Klang Gates	95.05	98.52
Sungai Tinggi	58.10	91.03
Kolam takungan	Status (%)	Kapasiti (juta m³)
Semenyih	99.7	110.95
Sungai Labu	33.5	56.13

sumber air mentah yang mencukupi sepanjang musim kering yang bermula bulan ini.

Katanya, hal itu kerana kapasiti empangan terkini menunjukkan paras lebih tinggi berbanding tempoh masa yang sama pada tahun lepas.

(lihat grafik 2)

Berdasarkan rekod, penggu-

naan air per kapita bagi rakyat di Negeri Selangor adalah pada kadar yang tinggi iaitu sebanyak 235 liter sehari.

"Di sini pengguna mengurangkan per kapita penggunaan air setiap isi rumah. Ini adalah salah satu langkah memastikan kelangsungan bekalan air," katanya.

dibuat dan berjimat menggunakan air," katanya dipetik Bernama.

Sumur utama air penduduk di selatan Perlis diperolehi dari sungai dan terusan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) manakala di utara Perlis menerima bekalan dari Empangan Timah Tasoh.

Mat Rawi berkata, kali terakhir Perlis dilanda kemarau teruk pada pertengahan tahun 70-an semasa Empangan Timah Tasoh belum dibina.

Jabatan Meteorologi meramalkan Perlis dan Kedah pa-

minta Syarikat Air Perlis (SAPs) membuat pemantauan menyeluruh di seluruh negeri untuk mengesan dan membaki paip-paip yang bocor dengan segera.

Beliau mengingatkan orang ramai tidak melakukan pembakaran terbuka dalam keadaan kemarau sekarang bagi mengelak api merebak dengan cepat dan memerlukan banyak air untuk memadamkannya.

Sehubungan itu beliau me-

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri sentiasa proaktif dalam menangani masalah bekalan air terutamanya bagi menghadapi musim kering akibat fenomena El Nino ketika ini.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohamad Amin Ahmad Ahyu, berkata pihaknya sentiasa berbin-cang dan melihat perkara itu dari masa ke masa untuk mengelakkan catuan air seperti sebelum ini.

Katanya, projek Mitigasi Labuhan Dagang yang dibangunkan Kerajaan Negeri mampu mengatasi masalah bekalan air.

"Tidak ada jaminan, namun buat masa ini bekalan air mencukupi untuk penduduk Lembah Klang.

"Kita mempunyai jawatan-kuasa untuk melihat keadaan keperluan air di negeri Selangor setiap hari. Buat masa ini keperluan air masih mencukupi.

"Buat masa ini kita gunakan kolam-kolam yang ada di Kuala Selangor untuk bekalan air mentah untuk diproses," kata dia kepada pemberita selepas merasmikan Sistem E-Pelelong, di Ballroom Dewan Jubli Perak, pada 12 Januari lalu.

Sebelum ini, Menteri Besar, Dato' Mohamed Azmin Ali berkata projek Mitigasi 2 dibina bagi mengelakkan krisis bekalan air di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.



Kita mempunyai jawatan-kuasa untuk melihat keadaan keperluan air di negeri Selangor setiap hari. Buat masa ini keperluan air masih mencukupi

MOHAMAD AMIN

Setiausaha Kerajaan Negeri

Projek itu membabitkan pembinaan dua loji rawatan air di Labuhan Dagang, Kuala Langat dan Semenyih 2 bagi menampung permintaan pihak industri dan pengguna domestik.

ling teruk menerima ancaman El Nino yang berkemungkinan berlarutan hingga penghujung April ini.



Perlis mungkin catuan air

KANGAR - Kerajaan Perlis mungkin mencatuh bekalan air jika kemarau akibat fenomena El Nino yang melanda negara sekarang berlanjut, kata Pengurusi Jawatankuasa Sumber Asli dan Alam Sekitar Negeri, Datuk Mat Rawi Kasim.

Menurut beliau catuan tidak dapat dielakkan sekiranya paras air di Empangan Timah Tasoh dan sungai yang menyusut sejak dua minggu lepas terus susut.

"Penduduk Perlis diminta bersedia jika catuan terpaksa

dibuat dan berjimat menggunakan air," katanya dipetik Bernama.

Sumur utama air penduduk di selatan Perlis diperolehi dari sungai dan terusan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) manakala di utara Perlis menerima bekalan dari Empangan Timah Tasoh.

Mat Rawi berkata, kali terakhir Perlis dilanda kemarau teruk pada pertengahan tahun 70-an semasa Empangan Timah Tasoh belum dibina.

Sehubungan itu beliau me-

minta Syarikat Air Perlis (SAPs) membuat pemantauan menyeluruh di seluruh negeri untuk mengesan dan membaki paip-paip yang bocor dengan segera.

Beliau mengingatkan orang ramai tidak melakukan pembakaran terbuka dalam keadaan kemarau sekarang bagi mengelak api merebak dengan cepat dan memerlukan banyak air untuk memadamkannya.

Jabatan Meteorologi meramalkan Perlis dan Kedah pa-

Beku permohonan lesen penjualan vape

SHAH ALAM - Semua pihak berkuasa tempatan (PBT) di Selangor diarahkan untuk membekukan semua permohonan lesen penjualan vape atau rokok elektronik sehingga keputusan di peringkat negeri berjaya dicapai.

Exco Kesihatan, Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita, Dr Daroyah Alwi, berkata arahan itu selaras dengan kehendak Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali yang mahu perbincangan secara menyeluruh terhadap isu tersebut diselesaikan.

Katanya, sehingga kini lebih 100 permohonan penjualan vape diterima di negeri itu dan 30 daripadanya diberikan lesen semestara.

"Pengusaha vape di Selangor masih selamat kerana tiada serbuan akan dilakukan pihak pengguna buat sementara waktu ini sehingga keputusan mengenai isu terbabit diumumkan kerajaan negeri."

"Arahan itu dikeluarkan berikutnya pihaknya perlu meneliti semua maklumat daripada semua agensi berkaitan menerusi beberapa siri bengkel yang membincangkan secara khusus berhubung isu itu," katanya selepas bengkel khas bagi membincangkan isu vape.

Daroyah berkata, Kerajaan Negeri tidak mahu terburu-buru mengumumkan keputusannya kerana perlu mengambil kira semua pandangan menerusi bengkel yang diadakan, selain perlu berlaku adil kepada pihak berkaitan.

"Perbincangan menerusi bengkel ini masih diperlukan awal, kita akan kumpulkan semua maklumat daripada agensi dan pihak terbabit dan selepas ini akan ada satu lagi perbincangan khusus mengikut keputusan tidak memihak kepada pengusaha vape di negeri ini."

Kerajaan negeri tidak mahu tergesa-gesa membuat keputusan kerana negeri ini ada pelbagai pihak termasuk pengusaha vape dan pengguna yang terbesar di negara ini, jadi kita perlu mendengar pandangan supaya ia berlaku adil kepada semua

DR DAROYAH ALWI
Exco Kesihatan

ke peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk sebarang keputusan.

"Kerajaan negeri tidak mahu tergesa-gesa membuat keputusan kerana negeri ini ada pelbagai pihak termasuk pengusaha vape dan pengguna yang terbesar di negara ini, jadi kita perlu mendengar pandangan supaya ia berlaku adil kepada semua," katanya.

Bengkel itu disertai wakil Kementerian Kesihatan (KKM), pejabat Mufti Selangor, badan bukan kerajaan (NGO) termasuk Pertubuhan Ikram Malaysia dan wakil Persatuan E-Vaporizer dan Tembakau Alternatif Malaysia (MEVTA).

Sementara itu, Timbalan Presiden MEVTA Ikbil Zakaria berkata, pihaknya akur sekiranya keputusan tidak memihak kepada akar umbi parti.

"Kita mendapat maklum balas daripada akar umbi untuk bertanding lebih kerusi."

"Kita akan tambah lagi lima kerusi selepas ini. Sebelum ini, kita bertanding 20 kerusi di Selangor," katanya.

SELANGOR SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Lembaga Editorial CCSB

KETUA PENGARANG: Cecelia Alphonsus

PENGARANG : Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG Mohd Ezli Mashut, Naeem Raffi, Afeeqa Afeera

WARTAWAN:

Hafizan Taib: hafizantaib@mediaselangor.com,

Nazli Ibrahim: nazli@mediaselangor.com,

Afix Redzuan: syafiq@mediaselangor.com,

Lizawati Madfa: lizawati@mediaselangor.com,

Norhayati Umor: hayati@mediaselangor.com,

Syasya Sufian : syazwanisufian@mediaselangor.com

JURUGAMBAR: Asri Sapie, Raheemia Arifin & Shuaib Ayob

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,
Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor
Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com

Keputusan vape

Ambil kira pandangan semua

OLEH NAZLI IBRAHIM

PUCHONG - Kerajaan Selangor mengambil kira pelbagai aspek daripada semua pihak terlibat sebelum membuat sebarang keputusan berhubung isu vape, kata Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Mohamed Azmin berkata, pihaknya sudah mengarahkan supaya Exco Kesihatan, Dr Daroyah Alwi bertemu dengan pihak Kementerian Kesihatan, pengusaha atau pembekal vape dan belia.

"Kita sedang berbincang. Dr Daroyah akan mengadakan pertemuan dengan pihak berkenaan termasuk pihak Kementerian Kesihatan, belia dan juga pengusaha atau pembekal vape untuk melihat dalam konteks kesihatan.

"Bagaimanapun keputusan muktamad hanya dibuat selepas



mendengar dan mendapat maklumat daripada Kementerian Kesihatan khususnya. Keputusan akan dibuat dalam bulan ini," kata Mohamed Azmin pada 8 Januari lalu.

Terdahulu, beberapa negeri mengambil keputusan mengharamkan penjualan vape yang diantara raya, Johor, Melaka, Terengganu.

Kerajaan Terengganu yang

turut mengharamkan penjualan vape memutuskan memberi tempoh sehingga Jun ini untuk para peniaga vape menghabiskan stok yang mereka ada.

Manakala Negeri Sembilan pulak, walaupun membenarkan penjualan vape tetapi mengisyitiharkan penggunaan vape adalah haram bagi umat Islam.

PAS bertanding 25 kerusi DUN Selangor

KUALA SELANGOR - PAS Selangor akan menambah lima lagi kerusi bertanding dalam pilihan raya umum akan datang.

Pesuruhjaya PAS Selangor, Datuk Iskandar Abdul Samad, ketetapan itu diambil menerusi kajian Jabatan Penyelidikan PAS Pusat terhadap suara rakyat dan akar umbi parti.

"Kita mendapat maklum balas daripada akar umbi untuk bertanding lebih kerusi."

"Kita akan tambah lagi lima kerusi selepas ini. Sebelum ini, kita bertanding 20 kerusi di Selangor," katanya.



Iskandar

segalanya bakal diputuskan kelak.

Pada PRU-13 lalu, PAS berjaya memenangi 15 kerusi daripada 56 kerusi DUN Selangor.

Namun, tindakan dua daripada ADUN mereka mengambil keputusan menyertai Parti Amanah Negara (AMANAH) menyaksikan PAS kini mempunyai 13 ADUN di Selangor.

Daripada segi komposisi Kerajaan Negeri, PAS mempunyai tiga Exco serta turut menjadi Timbalan Speaker Dewan Negeri Selangor (DNS).

PAS Selangor ucap terima kasih

SHAH ALAM - Jabatan Pilihanraya PAS Selangor mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada seluruh ahli yang memberikan sokongan padu hadir ke Ijtimaik Pilihanraya PAS Selangor yang berlangsung pada 10 Januari lalu.

Pengarah Jabatan Pilihanraya PAS Selangor, Ir Mohd Haslin Hassan, berkata kehadiran melebihi 7,000 peserta membuktikan semua jentera pilihan raya PAS Selangor kini bersedia mendedeni cabaran PRU-14.

"Visi Jabatan Pilihanraya PAS Selangor menempuh PRU14

nanti adalah untuk mempertahankan dan melebarkan kemenangan di 20 DUN yang ditandingi semasa PRU13 lalu," kata Haslin dalam kenyataan medianya.

Beliau berkata momentum kesatuan fikrah dan tindakan gerak kerja yang ditunjukkan itu perlu ditingkatkan ke tahap maksimum dengan menggabungkan pelbagai teknik dan kemahiran di kalangan ahli dan jentera.

"Kepada urusetia ijtimaik, syabas dan tahniah di atas kejayaan penganguran program. Jutaan terima kasih kepada semua. Tanpa anda, siapa kita."



Haslin

"Terus bergerak dan bekerja seperti mana ikrar yang dilafaz, janji diucap, dan bai'ah diangkat demi untuk Islam," katanya.



Tiada kerjasama politik dengan Umno

KUALA SELANGOR - Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang menegaskan partinya tidak akan bergabung atau menjalinkan kerjasama politik bersama Umno.

Katanya, ketetapan itu selaras dengan keputusan Majlis Syura Ulama bahwa PAS akan bekerjasama dengan mana-mana pihak dalam perkara baik bukan sebaliknya.

"Macam keputusan Majlis Syura Ulama, bekerjasama dalam perkara baik, tidak bekerjasama dalam perkara tidak baik."

"Daripada segi politik, tiada gabungan. Isu Palestin, Bosnia dan Rohingya kita bekerjasama."

"Dalam TPPA kita tidak bekerjasama," katanya dalam sidang media selepas Ijtima'

Pilihan Raya PAS Selangor, di Stadium Tertutup Kuala Selangor, pada 10 Januari lalu.

Abdul Hadi berkata, PAS kekal bertanding dalam pilihan raya walaupun tidak berada dalam mana-mana gabungan buat masa ini.

Ketika ditanya pembentukan Pakatan Harapan yang sudah menandatangani perjanjian kerjasama 9 Januari lalu, beliau menganggap ia sebagai perkara biasa.

"PAS parti paling berpengalaman dalam kalangan parti di Malaysia dan kita anggap ia perkara biasa."

"Pakatan bukan perkara baru. Ada yang rebah tak bangun-bangun, ada yang mati. Sebaliknya, kita terus bangkit semakin hari semakin kuat," katanya.



PAS sertai Himpunan Bantah TPPA 23 Jan

KUALA SELANGOR - PAS akan menyertai perhimpunan Bantah Perjanjian Trans-Pasifik Asia (TPPA) yang bakal diadakan di Dataran Merdeka, pada 23 Januari ini.

Sokongan itu disuarakan pemimpin dan penyokong parti

sambil mengangkat plakat 'Bantah TPPA' pada Ijtima' Pilihan Raya PAS Selangor, pada 10 Januari lalu.

Iktar itu dikeluarkan Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang sambil diiringi Pesuruhjaya PAS Selangor, Datuk Iskandar Abdul Samad.

Himpunan itu diadakan bagi membantah perjanjian berkenaan yang dilihat akan terus menekan rakyat yang kian dihimpit masalah ekonomi.

Selain PAS, beberapa badan bukan kerajaan juga dijangka menyertai aktiviti terbabit.

PAS jangka PRU-14 Mac 2017

PM tertekan tentu masa terbaik

OLEH NAZLI IBRAHIM

KUALA SELANGOR - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak tertekan bagi menentukan masa terbaik untuk membubarkan parlimen berikutkan senario politik semasa tidak memihak kepada Umno dan pentadbiran beliau.

Pesuruhjaya PAS Selangor, Datuk Iskandar Abdul Samad, berkata antara isu yang menghantui Najib dan Umno ketika ini termasuk perpecahan dalam Umno, skandal 1MDB, imej pemimpin boros yang dibawanya dan tekanan kos sara hidup rakyat.

"Najib sekarang dalam keadaan tertekan. Mungkin dia nak buat pilihan raya awal tetapi dibelenggu banyak masalah atau jika nak buat lambat akan ditekan banyak pihak sebab kita tahu Umno berpecah, ada ramai tidak menyokong Perdana Menteri.

"Jadi, dia akan menggunakan PRU-14 ini untuk membuang individu dalam Umno yang tidak menyokongnya dan inilah sebab dia tidak tahu bila nak adakan pilihan raya dan menyebabkan tertekan," katanya pada Perhimpuan Jenteri Pilihan Raya PAS di Stadium Tertutup Kuala Selangor, pada 10 Januari lalu.

Bagaimanapun, PAS Selangor menjangka PRU-14 akan diadakan seawal Mac 2017 supaya Najib mempunyai masa menyelesaikan beberapa isu terutama melibatkan sokongan kepada beliau oleh pemimpin Barisan Nasional (BN).

Iskandar turut mengingatkan supaya jentera pilihan raya PAS mula mengadakan persiapan bagi menghadapi kempen PRU-14 nanti.

"Masa semakin suntuk dan kita kena berjerat keras daripada sekarang dan tidak boleh ada satu strategi untuk satu negeri tetapi perlukan strategi berlainan untuk setiap kelompok masyarakat berlainan," katanya.

Terdahulu, Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang turut melancarkan perkhidmatan medik yang dijalankan di bawah badan bukan kerajaan (NGO), YAYasan Amal.

Perkhidmatan medik yang dilancarkan itu meliputi khidmat perubatan, menyelamat dan ambulan membawa mangsa ditimpa bencana.

Pasukan medik itu terdiri daripada anggota sukarelawan berpengalaman dan terlatih yang pernah atau masih berkhidmat antaranya sebagai doktor, sukarelawan bomba dan Jabatan Pertahanan Awam.

Nurul Izzah dan Hannah antara 250 wanita berpengaruh dunia



Nurul Izzah



Hannah Yeoh

SHAH ALAM - Naib Presiden Keadilan, Nurul Izzah Anwar tersenarai di kedudukan ke 108 di antara wanita paling berpengaruh dunia.

Dalam pada itu, seorang lagi wanita Malaysia yang turut tersenarai ialah Speaker Dewan Selangor (DNS) yang juga Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh di tempat ke-177.

Kajian itu dilakukan oleh Rich-Topia menerusi laman web <http://powerfulwomen.co>

Menduduki tempat pertama

ialah Hillary Clinton iaitu calon Presiden Amerika Syarikat bagi parti Demokrat.

Sementara tempat kedua ialah pengacara terkenal Oprah Winfrey dan tempat ketiga ialah penulis terkenal JK Rowling.

Tinjauan dibuat berdasarkan penglibatan dalam aktiviti media sosial termasuk dalam rangkaian Twitter, Facebook, YouTube, LinkedIn dan Instagram.

Ia juga dinilai berdasarkan tahap pengaruh selain perilaku mereka yang unggul dan proaktif.

Dasar ekonomi Najib sia-sia

Malaysia terus diancam penurunan rating

SHAH ALAM - Pendekatan ekonomi konvensional Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dengan mempertaruhkan kebaikan rakyat sia-sia apabila agensi penarafan kewangan dunia Moody's Investors Service menurunkan prospek ekonomi negara daripada 'positif' kepada 'stabil'.

Setiausaha Agung KEADILAN,

Rafizi Ramli, berkata walaupun Najib tunduk kepada tekanan agensi antarabangsa untuk melaksanakan dasar ekonomi anti-rakyat seperti pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dan penghapusan subsidi, namun ia gagal menghalang Moody's dari menurunkan prospek unjuran ekonomi negara.

Katanya, pendekatan ekonomi diambil Najib tidak berkesan selagi ia tidak menangani barah utama ekonomi negara iaitu rasaah, tatakelola lemah dan tiadanya amanan.

"GST dilaksanakan selama lebih sembilan bulan dan lebih RM30 bilion dikutip dari rakyat.

"Hampir keseluruhan dari sub-

sidi yang sebelum ini dinikmati rakyat dihapuskan semuanya termasuk subsidi petrol dan diesel," katanya dalam kenyataan pada 11 Januari lalu.

Rafizi juga berkata, pemotongan peruntukan penting untuk pendidikan dan biasiswa dalam Belanjawan 2016 menyebabkan beban sara hidup rakyat naik ber-

ganda.

"Mahasiswa terpaksa mengikat perut, rakyat melakukan lebih dari satu kerja untuk menampung kenaikan harga dan lain-lain kepentingan – tidak pun berjaya menghalang Moody's dari menurunkan prospek ekonomi Malaysia dari positif kepada stabil," katanya.

Bantu rakyat Syria hadapi musim sejuk

SHAH ALAM - Malaysian Life Line for Syria (MLLFS) dengan kerjasama Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Global Peace Mission (GPM) Malaysia berangkat Syria bagi menyempurnakan penghantaran bantuan kepada rakyat di sana, pada 11 Januari lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif MLLFS, Syahrir Azfar Saleh, berkata ia merupakan misi kali ketiga bagi musim sejuk seumpamanya dengan membawa dana bantuan hampir RM500,000.

Katanya ia adalah hasil sumbangan daripada rakyat Malaysia dengan penglibatan seramai lima orang aktivis kemauan.

"Sumbangan bantuan seperti kit keperluan musim sejuk, makanan dan susu bayi diagihkan kepada rakyat Syria yang berada di Aleppo, Idlib dan

juga Hama terutama kepada mereka yang berada di khemah pelarian dalam negara di kawasan terbabit.

"MLLFS juga turut menyampaikan bantuan pendidikan dan perubatan di sekolah dan madrasah serta hospital lapanan yang dibuka MLLFS hasil sumbangan rakyat Malaysia dengan kerjasama NGO tempatan," katanya dalam kenyataan.

Katanya, kemaskini dan maklumat lanjut mengenai misi kali ini boleh diakses melalui laman facebook Malaysia Life Line for Syria dan MLLFS berharap agar rakyat Malaysia dapat terus mendoakan keselamatan pasukan ini.

Sumbangan tabung kemanusiaan Syria masih berterusan dan ianya boleh dilakukan secara atas talian melalui pautan berikut : <https://www.billplz.com/form/donateforsyria>

Idea dua kerja jejas masa bersama keluarga

SHAH ALAM - Saranan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Ahmad Maslan supaya rakyat membuat dua pekerjaan disifatkan tidak relevan kerana ia akan menjelaskan waktu bersama keluarga.

Timbalan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Abdullah Sani Abdul Hamid, berkata beliau tidak bersetuju dengan pandangan membuat dua kerja sebagai nilai tambah dan bukan membantuan rakyat.

Katanya, secara purata rakyat sudah memperuntukkan lapan jam masa bekerja pada siang hari dan selebihnya masa bersama keluarga.

"Tidak relevan sama sekali ia memberikan nilai tambah kerana dalam Islam sendiri 24 jam itu sudah diperuntukkan untuk bekerja, beribadah dan berehat."

"Jika ia diperuntukkan un-



tuk bekerja dan meningkatkan pendapatan semata-mata, pembangunan keluarga pula akan terjejas kerana masa yang sepatutnya untuk berehat dan bersama keluarga digunakan untuk terus bekerja," katanya kepada SelangorKini.

Abdullah Sani yang juga Ahli Parlimen Kuala Langat berkata demikian ketika diminta mengulas sokongan dipamerkan Ahli Parlimen Kinabatangan, Datuk Bung Mokhtar Radin

Jika ia diperuntukkan untuk bekerja dan meningkatkan pendapatan semata-mata, pembangunan keluarga pula akan terjejas kerana masa yang sepatutnya untuk berehat dan bersama keluarga digunakan untuk terus bekerja

ABDULLAH SANI
Timbalan Presiden
MTUC

terhadap kenyataan Ahmad dalam isu '2 pekerjaan'.

Bung menerusi akaun Twitter baru-baru ini berkata, cadangan untuk membuat dua pekerjaan adalah bagi meningkatkan pendapatan.

KEADILAN: Pertemuan Mufti dan Ketua Paderi patut dicontohi



SHAH ALAM - Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) menyambut baik pertemuan di antara Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri dan Ketua Paderi Kuala Lumpur, Julian Leow Beng Kim tatkala pelbagai isu melibatkan umat Islam-Kristian di Malaysia mutakhir ini.

Ahli Parlimen Bukit Katil, Shamsul Iskandar Mohd Akin, berkata pertemuan bersejarah itu adalah isyarat jelas daripada pemimpin agama yang menzhahirkan penolakan terhadap pendekatan Umno BN menggunakan sentimen dan provokasi agama bertujuan memecah belahan masyarakat.

"Usaha murni kedua-dua pemimpin agama ini seharusnya dicontohi pemimpin agama di setiap lapisan masyarakat baik di-

peringkat kebangsaan, negeri dan daerah.

"Ini selaras dengan mesaj Islam sebagai "rahmatan lil 'alamin" (rahmat untuk seluruh alam," kata Shamsul yang juga Naib Presiden KEADILAN dalam kenyataan medianya.

Sebelum Dr. Zulkifli di laman facebooknya menyatakan pertemuan bersama Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Global Unity Network dan Archbishop Kuala Lumpur ke arah persefahaman dan keharmonian antara agama khususnya Islam dan Kristian.

Dr Zulkifli berkata pelbagai isu dibincangkan bersama dalam perjumpaan pada 7 Januari lalu itu khususnya perihal konsep kepelbagaian masyarakat, toleransi, dan sikap hormat-menghormati antara agama.

Banyak mudarat daripada untung

Henti terus perlombongan bauksit



Gambar sumber internet

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Aktiviti perlombongan bauksit di Kuantan perlu diharamkan terus kerana ia membawa lebih banyak kemudarat dan berbanding keuntungan.

Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh, berkata hasil negara daripada perlombongan bauksit tidak berbaloi dengan kos dan bencana yang ditanggung rakyat.

Katanya, hasil kutipan Kerajaan Pahang tidak sampai RM200 juta sehingga 2016, sedangkan kerajaan dan penduduk Kuantan menanggung kos jauh lebih tinggi.

"Saya mendesak supaya moratorium aktiviti melombong diumumkan ditukar kepada pengharaman aktiviti melombong bauksit berkuatkuasa serta merta.

"Kerajaan Persekutuan namapnya tidak mengenakan sebarang cukai ke atas perlombongan bauksit. Maka hasil kepada Kerajaan Persekutuan adalah kosong," katanya dalam kenyataan pada 12 Januari lalu.

Fuziah berkata, kos ditanggung kerajaan dan orang ramai termasuk pemuliharaan alam sekitar, membaiki jalan dan infrastruktur serta kehilangan pendapatan di kalangan penduduk.

Selain itu, kos rawatan kesihatan juga meningkat akibat pencemaran alam sekitar dan nilai haratanah menjadi susut.

Memekti laporan *Sydney Morning Herald* Ogos lalu, Fuziah berkata pengaruh Malaysia di pasar bauksit China akan hilang menjelang 2017 dan dijangka tidak akan kekal lama.

Ini kerana pengimpor bauksit dari China memilih bijih bauksit

Saya mendesak supaya moratorium aktiviti melombong diumumkan ditukar kepada pengharaman aktiviti melombong bauksit berkuatkuasa serta merta

FUZIAH SALLEH
Ahli Parlimen Kuantan

yang berkualiti sedangkan kualiti bauksit yang dihasilkan di Malaysia adalah lebih rendah.

Katanya, pengekspor baru dari Australia juga dijangka mula mengekspor ke China dan akan memberi saingan kepada negara ini.

Bauksit undang Alzheimer

SHAH ALAM - Pendedahan berpanjangan terhadap debu bauksit berisiko menghidap penyakit Alzheimer.

Felo Penyelidik Kualiti Udara Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Dr Azman Azid, berkata aluminium hidroksida dalam bauksit berupaya menyekat pengaliran oksigen dalam darah sekaligus ke sistem saraf jika ia terbebas di udara dan dihidu dalam tempoh lama.

"Apabila otak kekurangan oksigen ia boleh menyebabkan seseorang itu terdedah dengan risiko untuk menghidap penyakit Alzheimer atau penyakit lupa," katanya dipetik Bernama.

Menurutnya, hasil kajian dijalankan beberapa bulan lalu di beberapa lokasi terjejas termasuk di Sekolah Tahfiz Bukit Goh, antara laluan utama kenderaan bauskit mendapat indeks pencemaran udaranya melebihi tahap berbahaya iaitu mencecah sehingga 468.



Azman Azid

Azman menyifatkan pencemaran udara di kawasan terlibat sebagai serius dan menganggarkan zarah terampai bawah 10 mikron (PM10) berada di tahap lebih 200g/m3, melebihi piawaian yang ditetapkan Kualiti Udara Ambien Malaysia, iaitu 150 g/m3.

Azman bimbang sikap sesetengah penduduk dan pekerja yang tidak mengendahkan kesihatan berdepan masalah pernafasan, batuk, alahan radang paru-paru serta gatal-gatal pada bahagian mata selain masalah kepada hati.

Lebih bahaya daripada vape, kenapa diam?

SHAH ALAM - Mufti Perlis, Prof Madya Dr Mohd Asri Zainul Abidin menegur sikap berdiam diri pihak berkuasa agama khususnya majlis fatwa dalam isu bauksit.

Beliau melahirkan keharusan sikap membisu para agamawan Islam terhadap isu bauksit sedangkan ia lebih merbahaya vape.

"Saya keluarkan kenyataan tentang isu bauksit di Pahang. Apabila saya lihat aktiviti itu mengancam manusia, alam, tumbuhan dan haiwan, saya rasa sedih dan dukacita."

"Bila isu vape timbul, JAKIM menjemput semua mufti bersidang khas untuk isu itu. Semuanya dijemput datang dari negeri masing-masing. Maaf, saya tidak hadir tetapi menghantar wakil," kata Dr Asri dalam status di laman facebooknya.

Menurut beliau, lebih baik

jika isu bauksit diberikan perhatian yang lebih daripada isu vape kerana bauksit ternyata lebih berbahaya.

"Apakah munasabah Islam hanya mengharamkan vape, tapi mendiamkan diri dalam isu jauh lebih besar dan bahaya? Apakah pandangan agama hanya untuk rakyat bawahan sahaja, tetapi 'sunyi' segala dalil apabila membabitkan urusan atasan?", soal beliau.

Dr Asri turut melahirkan keimbangan jika generasi muslim yang cerdas berfikir dan golongan bukan muslim salah faham terhadap Islam disebabkan sikap sebegini.

Menurutnya, Islam itu akan dilihat indah jika melepassi batasan kepentingan 'orang agama' dan penguasa, namun akan kelihatan tidak indah jika dikendalikan secara tidak seimbang.

Kerajaan Pahang didesak batal kenaikan mendadak urusan pejabat tanah

SHAH ALAM - KEADILAN mendakwa Kerajaan Negeri Pahang membantalkan kenaikan kadar urusan di pejabat tanah yang dinaikkan mendadak dengan segera.

Ketua Penerangan AMK, Lee Chean Chung, berkata Pahang seharusnya mencari jalan bagi meningkatkan kecekapan urus tadbir negeri serta mengurangkan projek membazir wang rakyat bagi me-

ningkatkan pendapatan negeri.

"Saya tidak melihat sebarang rasional disebalik kenaikan kadar ini hanya meningkatkan beban warga Pahang."

"Dalam keadaan rakyat sengsara dengan kenaikan harga barang dan pelaksanaan GST, kepautusan Kerajaan Pahang tidak wajar dan membebani rakyat," kata-

KENAIKAN KADAR URUSAN PEJABAT TANAH PAHANG (2016)

Perkhidmatan	Harga Lama	Harga Baru	Peratus Kenaikan (%)
Carian rasmii	RM30	RM100	330
Carian Persendirian	RM20	RM50	150

BAYARAN PENDAFTARAN PINDAH MILIK

Jenis Hartanah	Harga Lama	Harga Baru	Peratus Kenaikan (%)
RM100,001 - RM250,000	RM250	RM400	60
RM250,001 - RM500,000	RM500	RM800	118
RM500,000 - ke atas	RM550	RM1,200	118

Industri masa hadapan

Selangor Bio Bay pusat pertumbuhan global

OLEH AFEEQA AFEERA

PULAU INDAH - Selangor Bio Bay bakal menjadi pelaburan berimpak tinggi melalui penghasilan produk bioteknologi dan sains hayat.

Ketua Pegawai Eksekutif Central Spectrum Sdn Bhd, Mahmud Abbas, berkata ia adalah industri masa hadapan bagi mewujudkan pembangunan komprehensif di negeri itu.

Katanya, Bio Bay juga menerapkan pemeliharaan alam sekitar seperti pembinaan trek basikal dan taman rekreasi untuk kemudahan masyarakat.

"Selangor lihat bioteknologi adalah industri masa hadapan, tetapi industri lain seperti pembuatan juga masih penting namun kita mahu usahakan sesuatu ke hadapan."

"Pembangunan Bio Bay akan menghadap pelabuhan di samping kita mewujudkan kondo-



mium, kelab perahu layar untuk menggalakkan sukan air serta beberapa kemudahan mesra alam lain," katanya kepada SelangorKini.

Mahmud berkata, Bio Bay adalah selaras konsep Selangor Smart City yang diterapkan Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali yang memiliki kepelba-

galian ciri dan infrastruktur.

Katanya, Central Spectrum akan memfokuskan kepada pembinaan taman rekreasi tahun ini sebelum disusuli pem-

bangunan lain secara berperingkat pada 2017.

"Kawasan itu memiliki sungai yang ditanam bakau dan orang ramai boleh menjalankan aktiviti kayak kerana kita mahu memelihara alam sekitar dan membangunkannya dengan konsep Smart Selangor."

"Kita ada pelbagai rancangan untuk Bio Bay bagi memberi kemudahan kepada masyarakat dan diharapkan sebagianya dapat siap menjelang tahun ini," katanya.

Selangor Bio Bay akan dibangunkan di Pulau Indah dengan keluasan 1,070 ekar serta memberi fokus untuk menarik pelaburan dalam industri perubatan dan sains hayat berteknologi tinggi.

Ia adalah kesinambungan kepada pelan perancangan strategik sektor perindustrian seperti di Bandar Sultan Suleiman dan Bukit Raja menerusi Central Spectrum.

ABASS terima Prime Minister's Hibiscus Award

SHAH ALAM - Konsortium ABASS Sdn Bhd (ABASS) menerima Anugerah Prime Minister's Hibiscus Award 2014/2015 anjuran Malaysian International Chamber of Commerce and Industry baru-baru ini.

Pengarah Konsortium ABASS Sdn Bhd, Abas Abdullah, berkata anugerah itu membuktikan kerja dan peranan diamakan berjaya dilaksanakan, malah mampu menjadi contoh kepada syarikat lain.

Katanya, ABASS juga melaksanakan pelbagai inisiatif dalam usaha memastikan kualiti air sentiasa berada di tahap terbaik.

"Antaranya dengan menggadakan kerjasama erat bersama Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) serta menuhubungkan Pasukan Penjagaan Pencemaran Sungai bagi memastikan pengaliran air ke Sungai Semenyih sentiasa dipantau.

"Ia bagi memastikan tiada

pencemaran berlaku dan kualiti air sentiasa terjaga serta bebas dari sebarang bahan kimia," katanya.

Pengiktirafan terhadap peranan ABASS itu mengambil kira kekuatan utama syarikat dalam mewujudkan sistem pengeluaran air bersih yang mesra alam sekitar, lestari dan berkeupayaan menangani pencemaran dalam tempoh singkat.

Katanya, ABASS juga membina kemudahan rawatan enap cemar termoden di Loji Rawatan Air Sungai Semenyih, bertujuan melindungi alam sekitar di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Effluent Perindustrian) 2009.

Kemudahan rawatan kumbahan itu menggunakan konsep 'pelepasan sifar' apabila semua cecair dipulihkan serta dirawat seterusnya dikitar semula ke dalam loji rawatan air.

Selain anugerah itu, ABASS juga menerima pengiktirafan seperti Anugerah MSOSH, Anugerah Kecemerlangan Keselamatan dan Kesihatan Kebangsaaan, MSC Malaysia HR Achievement and The Malaysian Book of Records.

Sistem e-Pelelong mudahkan urusan



SHAH ALAM - Sistem e-Pelelong Selangor diberi nafas baru bagi memudahkan pelanggan mendapat peluang 'kerja' yang saksama.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohamad Amin Ahmad Ahya, berkata inisiatif itu juga bertujuan memudahkan proses pelelongan dan semua urusan boleh dilakukan secara atas talian (online).

Katanya, setakat ini, seramai 353 dilantik menjadi pelelong di Selangor.

"Jumlah ini ramai dan menyebabkan peluang kerja terhad. Jadi pelelong ini tidak boleh bergantung dengan Selangor sahaja kerana terhad dan ramai," katanya

di Majlis Pelancaran Sistem e-Pelelong di Ballroom Dewan Jubli Perak, pada 12 Januari lalu.

Amin berkata, objektif sistem itu juga bertujuan melaras kemudahan dan informasi dan mengelakkan salah guna kuasa atau ketirisan.

Katanya, pihaknya akan meminta Seksyen Pihak Berkua Tempatan untuk mengenal pasti penerima kerja yang sudah dilantik supaya isu pertindihan atau kroni tidak timbul.

Kewujudan sistem terbabit selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri ke arah 'Smart Selangor' dengan menggunakan kemajuan teknologi untuk memberikan perkhidmatan terbaik.





HIJRAH SELANGOR

Lebih **15,076** Peserta Hijrah
di Seluruh Selangor

MUNGKINKAH ANDA YANG SETERUSNYA...

Pinjaman Perniagaan yang Mudah, Cepat dan Tidak Membebarkan

HIJRAH SELANGOR adalah program Mikrokredit Bersepadu gagasan YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, bagi menggabungkan skim-skim mikrokredit SKIMSEL, MiMBAR dan WALA yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor semenjak tahun 2010. Program ini telah dilancarkan dengan rasminya oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor pada 24 Mac 2015.

Ianya merupakan Projek Penyelidikan Tindakan (Action Research Project) dengan tujuan utamanya, untuk melebarkan golongan kelas menengah di Negeri Selangor, sepetimana yang divisikan oleh YAB Dato' Menteri Besar dalam ucapan belanjawan beliau pada 24 November 2014. Hasrat ini diharapkan boleh tercapai melalui pendekatan pelaksanaan sistem penyaluran modal tambahan yang efisien kepada peniaga-peniaga kecil di negeri Selangor.

Pihak Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor (YAQS) atau kini dikenali sebagai **Yayasan Hijrah Selangor** ditugaskan untuk mewujudkan satu sistem pengeluaran modal yang **mudah, cepat dan tidak membebarkan** kepada **penjaja dan peniaga kecil** yang didapati seringkali menghadapi masalah kekurangan modal, dan peluang mendapatkan modal tambahan atas pelbagai faktor.

SYARAT-SYARAT

Siapa yang boleh memohon?

Penjaja dan Peniaga kecil yang berniaga di seluruh negeri Selangor

Apakah syarat-syarat permohonan?

- Warganegara Malaysia berumur 18 tahun hingga 60 tahun
- Terbuka kepada semua kaum di Selangor
- Memiliki premis perniagaan yang khusus
- Mempunyai lesen/permit perniagaan yang sah
- Tidak mempunyai rekod pinjaman yang tidak baik dari mana-mana institusi kewangan atau agensi kerajaan
- Satu pinjaman di bawah Skim HIJRAH SELANGOR sahaja dalam satu-satu masa
- Satu pinjaman di bawah Skim HIJRAH SELANGOR sahaja dalam satu-satu isirumah
- Satu pinjaman di bawah Skim HIJRAH SELANGOR sahaja dalam satu-satu perniagaan perkongsian
- Terlibat secara langsung di dalam perniagaan

Bagaimana hendak memohon?

Boleh dapatkan borang permohonan di pejabat cawangan Hijrah Selangor yang berdekatan.

Ibu Pejabat Hijrah Selangor

Tingkat 2, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor Darul Ehsan
03 5521 2458 / 03 5519 1692
Faks : 03 5521 2458

www.hijrahselangor.com


[Usahawan Hijrah Selangor](https://www.facebook.com/usahawan.hijrahselangor)



SKIM PINJAMAN

JENIS SKIM	PINJAMAN	TEMPOH BAYAR BALIK	
SKIM 1	1,000 - 5,000	25 minggu (6 bulan)	Ditawarkan kepada semua pemohon yang berkelayakan
		50 minggu (12 bulan)	
		100 minggu (24 bulan)	
		150 minggu (36 bulan)	
SKIM 2	6,000 - 10,000	25 minggu (6 bulan)	Hanya ditawarkan kepada pemohon yang telah tamat pinjaman pusingan pertama dengan kredit disiplin yang memuaskan
		50 minggu (12 bulan)	
		100 minggu (24 bulan)	
		150 minggu (36 bulan)	
SKIM 3	15,000 - 20,000	25 minggu (6 bulan)	Hanya ditawarkan kepada pemohon yang telah tamat pinjaman pusingan pertama dengan kredit disiplin yang memuaskan
		50 minggu (12 bulan)	
		100 minggu (24 bulan)	
		150 minggu (36 bulan)	
SKIM 4	30,000 - 50,000	25 minggu (6 bulan)	
		50 minggu (12 bulan)	
		100 minggu (24 bulan)	
		150 minggu (36 bulan)	

PEJABAT CAWANGAN





01

02

03

04

05

01

Adun Sekinchan, Ng Suee Lim di Program Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) Back To School dan Pemberian Kupon RM50 untuk anak kelahiran 2009.

03

Adun Ijok, Dr Idris Ahmad semasa program Karnival Kesihatan DUN Ijok 2016 untuk menggalakkan masyarakat sihat dan cergas.

05

Adun Damansara Utama, Yeo Bee Yin turun padang menyantuni masyarakat sambil mengedarkan kalender 2016

07

Adun Kota Damansara, Halimaton Saadiah Bohan merasmikan Penubuhan Rukun Tetangga Kampung Melayu Subang

01

02
Adun Gombak Setia, Hasbulah Mohd Ridzwan menyerahkan cek dalam Majlis Penyampaian Agihan Bantuan Sekolah-sekolah Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2015 bagi DUN Gombak Setia

04
Adun Meru, Dr Abdul Rani Osman turun padang melawat Sekolah Menengah Kebangsaan Meru yang terbakar pada awal pagi 12 Januari lalu

06
Adun Bukit Lanjan, Elizabeth Wong mengedarkan kalender dan bermesra dengan masyarakat di DUN itu

08
Adun Kajang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail di Program Jom Shopping Untuk Pemegang Kad Tawas Kelahiran 2009 di Giant Prima Saujana

06

07

08

Peneraju utama tanah industri

Central Spectrum jana pelaburan RM15 billion

Q&A

Central Spectrum Sdn Bhd bukanlah nama asing dalam pembangunan tanah industri di Pulau Indah, malah kredibiliti syarikat itu tidak perlu dipertikai.

Buktinya, Central Spectrum berjaya membangunkan tanah industri berkeluasan 3,500 ekar yang menjana pelaburan berjumlah RM15 billion dalam tempoh 20 tahun.

Peneraju utama halal hub di Malaysia dan dunia itu mengorak langkah memperkenalkan beberapa inisiatif baharu bagi menggalakkan lebih banyak pelaburan di Selangor, antaranya Halal International Selangor (HIS) dan Bio Bay.

Ikti temubual Penolong Pengarang Selangor Kini, AFEERA AFEERA bersama Ketua Pegawai Eksekutif Central Spectrum, Mahmud Abbas di Pulau Indah.

Apakah fungsi dan peranan Central Spectrum secara khusus?

Central Spectrum ditubuhkan lebih 20 tahun lalu memandangkan ketika itu Kerajaan Persekutuan memutuskan untuk mewujudkan pelabuhan dan memang wajar diadakan kawasan industri.

Maka, Central Spectrum diberi 5,000 ekar tanah untuk majukan sebagai tanah perindustrian bagi menyokong pengeluar atau pengilang mengeksport barang mereka ke serata negara.

La bagi menurunkan kos logistik pelabur apabila mereka berada di kawasan Pulau Indah berdekatan pelabuhan dan itulah peranan utama Central Spectrum.

Apakah perkembangan terkini Central Spectrum khususnya projek Pulau Indah Industrial Park (PIIP), Selangor Halal Hub dan Halal International Selangor (HIS)?

Daripada 5,000 ekar tanah ini selain daripada pelabuhan,



Pulau Indah memiliki Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), manakala 5,000 ekar lagi adalah tanah rizab.

Central Spectrum sudah majukan 3,500 ekar tanah sehingga kini dan kita sedang memajukan PIIP apabila lapan hingga sepuluh tahun sebelumnya kita mula memajukan halal hub dan kesemua tanah habis dibeli pemaju.

Walaupun Halal Hub Selangor memiliki pel-

HIS menawarkan usahasama untuk menerokai pasaran global secara aktif, perkongsian dan kolaborasi

hagian daripada ekosistem Halal Hub.

Oleh sebab itu HIS diwujudkan bagi melengkapkan ekosistem halal hub dan apabila kita pergi

Sementara untuk PIIP pula, kita sedang membina taman perindustrian yang dibahagikan kepada tiga fasa iaitu 3A, 3B dan 3C yang dulancarkan lewat tahun lalu.

Jualan tanah di fasa 3A yang dibina empat tahun lalu sudah selesai manakala fasa 3C sudah terjual lebih 30 peratus.

Bagaimanakah penglibatan negara luar dalam HIS?

Dalam mana-mana negara Islam di dunia ini akan berlaku halangan dalam perdagangan halal. Mengambil contoh Malaysia, halangan adalah tertumpu kepada pengeluaran sijil halal itu sendiri.

Maknanya tidak semua pengeluar boleh masuk industri halal, jika tidak mendapat pengesahan dan ia perlu dibawa atau dikawal kerajaan.

Kita mahu kurangkan halangan itu supaya pihak yang mahu mendapatkan perkhidmatan dan produk halal mempunyai pilihan.

Bayangkan, ada 700,000 syarikat berdaftar di Malaysia tetapi cuma 5,000 daripadanya disah-

**Peluang pasaran global menjangkau RM13 trillion
-Nilai perdagangan global sedia ada untuk diterokai pengusaha industri halal melebihi RM206 trillion**

luar negara untuk mempermposikannya, kita dapat pelabur di Jepun dan Korea sangat berminat dengan industri halal.

Halal Hub Selangor tidak hanya tertumpu dalam negeri sahaja, sebaliknya terbuka kepada sesiapa atau mana-mana negara di seluruh dunia.

PROFIL

Nama : Mahmud Abbas
Umur : 58 tahun
Jawatan : Ketua Pegawai Eksekutif Central Spectrum Sdn Bhd
Pendidikan : Ijazah Sarjana Muda dalam Pembangunan di Universiti Brighton, United Kingdom
Pengalaman : PERNAS, Tabung Haji, Pengarah Projek (Wilayah Tengah) di UEM Land Bhd

2016 adalah tahun mencabar bagi ekonomi dunia dan Malaysia amnya, bagaimana Central Spectrum menghadapi keadaan itu?

Kita sedar masalah ekonomi sedang berlaku tetapi dalam pembangunan tanah industri, pelabur tidak beli tanah secara "on the spot", sebaliknya mereka akan lihat dalam tempoh tiga

atau empat tahun sebelumnya. Pelabur ada strategi mereka sendiri, beli tanah beberapa tahun sebelumnya kemudian mendirikan kilang, tetapi kebanyakannya pihak yang mahu terlibat dalam industri ini akan membeli tanah daripada kita.

Bagaimanapun, bagi pelabur asing, kami perlu bekerja keras untuk menarik pelaburan di Pulau Indah, tetapi kejatuhan ringgit sedikit sebanyak memberi kelebihan.

Mereka akan fikir seperti pengeluar lain iaitu mengembangkan pelaburan di negara luar dan Malaysia atau Pulau Indah adalah sasaran.

Bagaimana pula dengan pelaksanaan Halal Technical Competent Person (HTCP)?

Ita adalah salah satu perkara yang boleh dimasukkan untuk meugurangkan kos pensijilan halal itu sendiri kerana dalam Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ada syarat tertentu dan perlu memiliki tenaga kompeten.

Kita bekerja rapat untuk menjadikan individu itu sebagai HTCP supaya syarikat yang ingin menghasilkan produk di pasaran akan mengambil orang berkeaan sepenuh masa.

Individu kompeten itu akan memastikan pemantauan halal diberikan secara 24 jam sekali gus mengurangkan halangan supaya produk itu boleh masuk ke pasaran dengan cepat.

Apakah insentif ditawarkan Central Spectrum untuk pelabur dalam industri di Pulau Indah?

Kita adalah pemaju tanah industri, jadi peranan kita sudah tentulah menyediakan tanah meskipun harga semakin tinggi, namun kita turut menawarkan infrastruktur dilengkapi ciri keselamatan tinggi.

Insentif lain disediakan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), tetapi Central Spectrum memberikan produk unik iaitu mencipta kawasan rekreasi di Pulau Indah termasuk trek basikal.

Kita lakukan ini supaya mereka yang bekerja di Pulau Indah sentiasa berada dalam keadaan sihat sekaligus lebih produktif yang akan memberi manfaat.

Central Spectrum turut menyediakan kuarters pekerja dan beberapa kemudahan yang unik berbanding apa ditawarkan di kawasan industri lain.

Kita komited untuk memastikan mereka yang bekerja di sini sihat kerana ia adalah sebahagian daripada misi kita untuk membawa kecantikan di Pulau Indah dan mencipta kelainan dengan menyediakan fasiliti.

Kita mempunyai perjanjian dengan pelabur dari Korea dan Jepun untuk memberi rundingan kepada mereka supaya sesiapa yang mahu menubuhkan halal hub akan memiliki kelebihan pengetahuan daripada Central Spectrum.

Bagaimana berhadapan cabaran dan persaingan industri dari negara lain seperti Dubai?

Ada dua bentuk pembangunan dalam tanah industri ini iaitu "hard development" merujuk kepada harta tanah dan satu lagi adalah "soft development".

Kita tidak akan bersaing dalam "hard development" kerana kita tidak mahu ke luar negara untuk membuka Halal Hub di sana dan sebagainya, sebaliknya kita fokus kepada sisi lain iaitu HIS.

Kita mempunyai perjanjian dengan pelabur dari Korea dan Jepun untuk memberi rundingan kepada mereka supaya sesiapa yang mahu menubuhkan halal hub akan memiliki kelebihan pengetahuan daripada Central Spectrum.

Central Spectrum adalah halal hub pertama di dunia, jadi kita memiliki idea untuk menjadikan halal hub paling terbaik dalam segala aspek.

Kita tidak akan bersaing dengan Dubai, tetapi kita boleh membantu mereka untuk membina halal hub.

Bagaimana dengan peluang pekerjaan?

5,000 ekar tanah rizab di Pulau Indah akan digunakan untuk membina 2,500 unit Rumah Selangorku.

1,500 unit akan dibina di atas tanah kita, manakala 1,000 unit lagi dibina di atas tanah rizab, jadi kita harapkan ia bakal mencipta pembangunan berantai yang efektif.

Sudah tentu apabila pembangunan ini dilakukan, bakal mewujudkan peluang pekerjaan dan peluang perniagaan kerana ia adalah sesuatu yang dekat dengan kita.

Sebagai permulaan, kita sudah mendirikan stesen makanan di kawasan ini di mana masyarakat tempatan boleh memulakan perniagaan dan akan ditambah dari masa ke masa.

Kita juga melakukan program tanggungjawab sosial (CSR) dengan membantu orang asal kerana Bio Bay adalah sebah-

gian daripadanya.

Kita mahu kekal ciri yang ada sekarang tetapi memperbaiki dan menambah baik infrastruktur.

Apakah harapan Central Spectrum terhadap pembangunan tanah industri?

Pulau Indah memberi pengalaman kepada Central Spectrum dalam industri halal hub khususnya, jadi kita mahu bangunkan syarikat untuk keluar dari pulau.

Kita mahu lihat apa yang berlaku di dunia sekarang dengan membawa tenaga mahir keluar dan mencipta budaya di mana pekerja akan lebih komited dan bersifat serantau.

Kita mahu Central Spectrum mewujudkan budaya berproduktiviti tinggi dan memiliki pengetahuan mendalam dalam membangunkan halal hub, HIS, PIIP dan lain-lain.



EKOSISTEM MENYELURUH HALALAN TOYYIBAN



HARTAHANAH - Menyediakan keperluan infrastruktur dan persekitaran sesuai dengan keperluan pembangunan perniagaan dan perindustrian halal berciri kluster.



JAMINAN PENGHANTARAN - HIS akan bekerjasama dengan rakan niaga strategik untuk membangunkan dan menguruskan skim jaminan penghantaran bekalan halalan toyyiban secara global.



RANTAIAN PENGEDARAN - Penglibatan aktif dan patuh halal pihak berkepentingan berkonsepkan dari ladang ke meja yang menjadi faktor unik bagi kalangan pengusaha baru.



PEMBANGUNAN PEMASARAN - Menyediakan peluang kepada pengusaha untuk meneroka pasaran global halalan toyyiban melalui platform E-dagang yang dibangunkan secara kolaborasi dengan rakan usahasama.



PEMBANGUNAN KAPASITI - HIS memiliki ekosistem halal dengan rangkaian perniagaan bagi mengembangkan perniagaan ke peringkat global termasuk platform digital dan infrastruktur komprehensif.



PEMBANGUNAN INDUSTRI - Halalan toyyiban adalah penentu utama dalam pembangunan industri untuk memastikan kompetensi halal dari segi premis perniagaan dan proses pengeluaran barang dipatuhi.



PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA - Keperluan sumber tenaga mahir akan dibangunkan melalui Halal Technical Competent Person (HTCP) berciri global untuk membolehkan permohonan halal memasuki pasaran lebih cepat.



LESEN DAN ROYALTY - HIS menyokong pemilikan harta intelek dan paten serta membantu memasarkannya ke pasaran antarabangsa melalui franchise dan perlesenan dengan mudah.



PEMBIAYAAN DAN KEWANGAN - HIS berusaha membantu rakan kolaborasi mendapatkan pembiayaan melalui sumber kewangan sedia ada serta kewangan baharu seperti dana wakaf, zakat dan sedekah.



GAYA HIDUP - Program HIS bukan sahaja dibangunkan untuk mencapai aspirasi perdagangan, malah bagi menambah baik trend gaya hidup pengguna seperti sukan, komunikasi dan hubungan sosial.

Kos meningkat mahasiswa kelaparan

Apa penyelesaian dan alternatif?

OLEH LEE SLIMSHADY

Makanan adalah hak asasi. Namun, di kala tekanan ekonomi yang semakin menghimpit, harga makanan menjadi lebih tinggi dari nilai wang dalam saku setiap warga Malaysia khususnya golongan marhaen.

Ini menandakan inflasi yang melanda ekonomi rakyat sehingga naik melambung. Sebelum ini, suara keluhan yang menghimpit warga marhaen yang biasa kita dengar melibatkan warga miskin kota.

Tetapi kini warga kampus di ibu kota pula yang menerima bantuan.

Di Amerika, masalah serius ini sudah melanda pelajar kampus di negara *Uncle Sam* tersebut lebih awal daripada apa yang terjadi di Malaysia. Bukanlah berniat untuk membuat perbezaan atau persamaan tetapi sekadar meneladani kaedah yang mungkin berkesan untuk dilaksanakan di sini.

Di Amerika ada di kalangan pelajar kampus bukan sahaja ketidaaan wang untuk makan malah ketidaaan tempat tinggal untuk meneruskan pengajian di universiti.

Masalah ini mula mendapat perhatian pentadbir universiti apabila melihat lebih ramai pelajar yang kelaparan, terutama yang datang dari keluarga berpendapatan rendah.

Karen Gerlach, Naib Presiden hal ehwal pelajar di Universiti Trinity Washington memberitahu, semakin ramai pelajar di Amerika yang datang dari latar belakang isi rumah berpendapatan rendah dan ada juga terpaksa membantu keluarga yang hidup dalam kemiskinan.

Kadangkala para pelajar menjadi serba salah hingga terpaksa memilih antara mahu membeli buku untuk pengajian mereka atau membantu keluarga yang daif.

Jelas, masalah mahasiswa di Amerika tidak jauh beza dengan masalah yang dihadapi oleh pelajar kampus di tanah air. Oleh itu jalan penyelesaiannya pula pasti tidak jauh beza.

Washington Post melaporkan bagaimana pelajar-pelajar di Michigan State University berhimpun dan berbincang untuk mencari jalan penyelesaian kepada masalah pelajar kampus yang kelaparan serta tidak pu-

nya wang untuk makan.

Pada 2008, sebelum pelajar UIA memperkenalkan kaedah kupon makanan tergantung, pelajar di Universiti George Mason (GMU) terlebih dahulu mulakan program baucar yang mirip program itu.

Mereka menggunakan sumbangan daripada perkhidmatan makanan kampus dan lain-lain sumber untuk menyediakan kupon makanan kepada pelajar yang memerlukan.

Dalam tahun yang sama *Feeding America* sebuah badan amal yang memberi bantuan makanan buat pertama kali dalam empat tahun membuat tinjauan terhadap bilangan pelajar kampus yang memohon bantuan makanan di universiti.

Di sini wujud kelemahan dalam kaedah pemberian baucar atau kupon makanan yang mana wujud stigma atau perasaan malai andai rakan-rakan lain tahu yang pelajar ini tiada wang untuk makan.

Stigma ini wujud dalam perasaan diri pelajar itu sendiri biarpun dalam masa yang sama orang lain tak ambil kisah pun.

Selain stigma baucar atau kupon makanan tidak menjamin seseorang pelajar akan dapat makan lagi dalam tempoh sehari kerana mereka hanya dapat makan sekali sahaja. Namun ini bukanlah satu kritikan supaya kaedah baucar atau kupon ini mesti dihentikan.

Bank makanan, pantri di fakulti

Namun pada tahun yang sama, mahasiswa di Universiti Michigan State menemui kaedah terbaik untuk menangani masalah mahasiswa yang kelaparan dengan menubuhkan Bank Simpanan Makanan (BSM) yang bertindak menyalurkan stok makanan kepada bilik pantri yang diwujudkan di setiap fakulti yang ada dalam sesuatu universiti.

Manakala setiap bilik pantri pula harus memiliki peralatan dapur yang lengkap untuk membolehkan pelajar memasak dan juga stor penyimpanan makanan. Setiap makanan di bahagikan kepada kepada tiga jenis bahan.

(1) Makanan sedia dimakan (RTE) seperti biskut, coklat atau makanan yang boleh disimpan lama dan boleh dimakan dalam jarak masa satu bulan.

Makanan seperti ini tidak



Gambar dari FB/Food for Mahasiswa

tertakluk kepada makanan kering dan makanan yang dipek sahaja. Malah makanan sejuk beku yang dipanaskan dalam ketuhar gelombang mikro seperti kuih-muih juga boleh dikelaskan sebagai makanan sedia dimakan.

(2) Makanan sedia dimakan (RTC), contohnya seperti makanan dalam tin yang perlu dimasak dahulu seperti sardin atau sotong atau makanan siap masak seperti kari daging atau kari ayam jenama Brahim's yang perlu dimasak dalam ketuhar gelombang mikro.

(3) Makanan mentah (RF) seperti beras, ayam, ikan dan sayur-sayuran. Selalunya makanan sebegini harus disimpan dalam peti sejuk beku yang makanan seperti ini terdiri dari makanan basah dan rencah makanan seperti garam, kicap ataupun sos cili.

Dengan kaedah ini mahasiswa boleh memilih untuk memasak atau menikmati makanan yang sedia di makan. Maka fakulti mereka menghadiri kuliah bakal menjadi 'rumah kedua' berbanding kolej kadian kerana pasti pelajar akan datang ke fakulti bukan sekadar untuk belajar atau menyiapkan tugasan malah untuk makan bersama rakan-rakan.

Kita akan lihat akan wujud budaya baru yang mana pelajar akan hadir awal ke kelas untuk bersarapan pagi di bilik pantri, yang pasti sesuai fakulti itu akan berfungsi lebih dari sekadar tempat untuk belajar dan menyiapkan tugasan.

Melalui kewujudan pantri di semua fakulti dalam universiti menjamin kekerapan pelajar untuk makan dan memastikan setiap pelajar tidak akan lapar dalam menjalani rutin seharian di kampus.

Namun kaedah kupon makanan tergantung harus diterus-

kan sebagai makanan alternatif untuk melengkapkan diet seharian mahasiswa di kampus.

Simulator golf atau makanan?

Sekali imbas dalam mewujudkan bank makanan, ia perlu konssep baitulmal pada awal diakutuasakan sebagai tanggungjawab wajib ke atas umat Islam yang memiliki kekayaan.

Andai pertubuhan Islam di Malaysia mampu membeli simulator permainan golf, takkanlah tidak boleh menyumbang sedikit buat warga kampus yang memerlukan.

Di Amerika khususnya di Universiti Michigan mahupun Universiti Oregon para pelajar di kampus tersebut menggerakkan kempen mahasiswa bantu mahasiswa (student help student) dalam mengumpul dana mahupun bahan makanan untuk bank makanan mereka.

Malah mereka juga mengamalkan budaya berkongsi makanan secara 'potluck' yang dikumpulkan secara beramai-ramai.

Mekanisme pantau kesihatan

Selain menangani masalah pelajar yang tidak punya wang untuk makan pantri juga mampu berfungsi sebagai pemantau kesihatan pelajar melalui kempen pemakanan sihat.

Membekalkan makanan dengan nutrisi terbaik melalui bank makanan dan pantri mampu menyimpan data kesihatan pelajar mengikut fakulti.

Bank makanan di seluruh universiti di Amerika bertindak menghentikan pemakanan yang berdasarkan daging dan mengantikan dengan sayuran dan hasil tanaman.

Setiap pagi bilik pantri akan mengedarkan kepada semua



pelajar "power bar" sejenis makanan dari campuran buah-buahan kekacang yang dimampatkan.

Rangkaian kerjasama

Apabila sistem bank makanan di kampus dilihat sebagai satu kaedah paling berjaya menangani masalah mahasiswa yang tidak punya wang untuk makan, kini seluruh kolej dan universiti di Amerika menubuhkan bank makanan di kampus masing-masing.

Jawatankuasa bank makanan dibentuk dan mereka melanjutkan pengaruh untuk melanjutkan lagi operasi organisasi tersebut.

Setelah semua universiti di seluruh Amerika membentuk organisasi bank makanan yang lengkap dengan pengurusan sendiri, satu jalinan rangkaian bank makanan di seluruh akan wujud.

Jalinan rangkaian kerjasama ini dinamakan Perikatan Bank Makanan Kolej dan Universiti (CUFBA).

Kini CUFBA yang memiliki dana yang kukuh menjalankan berbagai program termasuk melatih mana-mana organisasi yang mahu menubuhkan bank makanan.

Justeru, warga kampus harus menilai cadangan ini sebagai salah satu jalan penyelesaian terhadap masalah mahasiswa yang semakin kronik.

Biarpun cadangan tidak sempurna dan pasti ada kekurangan tetapi kita harus berani mencuba. Bak kata pepatah Melayu: Jika tidak dipecahan ruyung, manakan dapat sagu-nya.

LEE SLIMSHADY adalah bekas aktivis #OccupyDataran

OLEH NORHAYATI UMOR

J agat atau dalam bahasa Melayu bermaksud 'jahat' merupakan sebuah filem Tamil tempatan arahan dan tulisan Shanhey Kumar Perumal wajar dipuji kerana karya ini berjaya mencuri hati peminat filem tempatan.

Sebuah filem yang hebat, penonton dibawa secara terus ke era 90-an di mana ia boleh dikatakan satu tempoh yang kritis dalam sejarah India Malaysia yang secara halus menekan nasib kaum India di negara ini.

Berbicara tentang realiti sosial, ekonomi dan budaya di Malaysia, filem ini turut menyentuh isu kongsi gelap dan penggunaan dadah yang berleluasa dalam kalangan masyarakat kaum terabit.

Shanhey, pemuda yang sudah membuktikan kehebatannya menerusi beberapa filem pendek bertaraf antarabangsa sebelum ini dan Jagat merupakan filem sulungnya.

Ketika ditemui SelangorKini, Shanhey berkata sebahagian besar daripada filem itu menggambarkan kehidupan yang dijalani sendiri seterusnya mendorong beliau menghasilkan Jagat.

"10 tahun lepas saya merancang untuk menghasilkan filem ini. Selagi ia tidak dihasilkan, ia menganggu hidup saya. Kisah ini berlandaskan apa yang dihadapi oleh diri sendiri dari kecil hingga sekaran.

"Inilah realiti yang terpaksa dihadapi oleh masyarakat India di Malaysia. Saya juga tidak menyangka filem ini mendapat sambutan dan menjadi viral oleh peminat filem," katanya.

Cerita sinis, kisah besar

Bagi penulis, tidak mustahil untuk filem ini boleh menggondol pelbagai anugerah dan diingati oleh peminat malah pembikin filem.

Beliau berkata konflik filem itu berlaku apabila watak Apoi iaitu budak berusia 12 tahun mencari identiti menerusi tiga orang idola iaitu bapanya, Maniam dan bapa saudaranya Bala (penangih dadah) selain Dorai (Mexico) seorang gengster tempatan.

Agak sukar untuk penulis menceritakan plot filem ini, kerana bagi penulis ia sebuah filem yang sinis dan menyampaikan satu kisah yang sangat besar yang dilului oleh masyarakat India.

Filem berdurasi 90 minit itu dimulakan dengan babak Apoi yang sedang berjalan sambil mengawal emosi marah membukak-buka.

Kemudian, Apoi duduk dan seorang lelaki dewasa menghamipirinya serta menghulurkan seko-tok rokok.

Dengan segera, penonton dibawa untuk mengetahui apa yang berlaku dalam kehidupan

17 DECEMBER 2015
JAGAT
A SHANHEY KUMAR PERUMAL FILM



Kupas realiti kaum India 90-an

kanak-kanak pada masa lalu.

Perjalanan plot diatur dengan bijak dan memperkenalkan bagaimana setiap individu menghadapi masalah serta ujian dalam kehidupan.

Dari masalah di sekolah sehingga sebesar-besarnya masalah untuk kembali mencari jalan kehidupan.

Kaum India era 90-an

Boleh dikatakan kaum India ketika ini digambarkan sebagai masyarakat yang terpinggir, terpaksa berpindah randah dan ketinggalan dalam pembangunan rancangan negara.

Banyak yang tinggal di setinggan dan kerja makan gaji dengan gaji yang minimum.

Satu babak bagi penulis cukup sinis. Dimana kedengaran corong radio Perdana Menteri ketika itu, Dr Mahathir Mohamed berkenaan rancangan pembangunan negara,

namun babak difokuskan kepada Maniam meminta isterinya mengambil tali rafia yang baru untuk digunakan sebagai tali pinggang seluarnya yang longgar!

Tali rafia yang sudah putus itu digantikan dengan tali yang baru. Ia cukup sinis mengambar sistem ekonomi yang tidak menyebelahi kaum itu.

Disajikan dari sudut pendi-



dikan juga, babak berkaitan persembahan oleh kanak-kanak sekolah, mereka masing-masing menyebut nama tokoh dan mahu mereka tiru cara berpakaian.

Tidak dipaparkan kehadiran kanak-kanak itu berpakaian. Tetapi sekadar babak persembahan-hnya hanya didengar suara latar pengacara majlis mengumumkan penampilan kanak-kanak itu.

Apa yang disajikan pada skrin adalah watak kanak-kanak lelaki (Apoi) yang terlalu kecewa, lalu memasukkan kepalanya ke dalam beg plastik dalam cubaan menghalau kemarahan.

Apoi sebelum ini berpenat lelah menggunakan kreativiti pa-



kaian menyerupai Michael Jackson daripada baju hujan dan bahan buangan yang lain.

Tentu sahaja khayal mengharapkan satu babak tarian yang rancak. Akan tetapi, babak yang diimpikan tidak akan berlaku.

Inilah realiti kehidupan masyarakat kaum itu yang disajikan secara simbolik dan bersahaja.

Babak seorang lelaki menghulurkan sekotak rokok kepada Apoi bersambung di akhir filem. Selepas Apoi mengambil rokok yang dihulurkan, arah kamera terus berubah.

Penonton melihat apa yang berada di hadapan Apoi iaitu 'wide shot' yang menunjukkan tapak

pelupusan sampah yang dihuni kumpulan gagak.

Sesiapa yang mampu berfikir tentu sahaja seperti terkena kejutan elektrik.

Shanhey membawa Jagat menceritakan mengenai masa silam majoriti kaum India di Malaysia yang ditekan dengan masalah ekonomi, pendidikan dan sosial.

Jika realiti ini akan diterus berkekalan jika aspek terbabit berterusan diabaikan.

Jagat filem universel

Jagat patut diangkat sebagai Filem Malaysia. Bukan sekadar Filem Tamil Tempatan kerana ia universal. Ia berjaya menggabungkan segala persoalan, isu dan masalah itu secara menyeluruh dan amat menyakinkan.

Sekiranya mahu mengetahui realiti kehidupan majoriti bekas pekerja ladang kaum India di Malaysia pada tahun 1990-an, maka tontonlah filem ini.

Filem ini disertakan sari kata, tetapi sebenarnya khayal pelbagai kaum mampu menghayati dan memahami filem ini tanpa sari kata. Visual, kamera, muzik, mimik muka dan sebagainya mampu bercerita.

Walaupun elemen jenayah dan gengster plot utama, tetapi kita tidak ditonjol dengan imej gengster yang ditambah nilai stalistik demi memenuhi tuntutan komersial.

Keganasan gengster filem Jagat lebih kepada tenaga kudrat dan hati kering Mexico bukan pada letupan pistol. Tiada sekali pun kita dihidangkan dengan babak tembak pistol sepanjang filem ini berputar.

Hotspot sampah haram makin parah

MDKL tegas tahan dan sita

BANTING - Lokasi pembuangan sampah haram di Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) terus meningkat kepada 54 kawasan sehingga kini, kata Yang Dipertua-nnya, Mohd Azhar Mohamed Ali.

Katanya, ia susulan penemuan lokasi sampah haram baharu di kawasan Telok Panglima Garang dan Bandar Mahkota sekaligus menunjukkan sifat kurang peka masyarakat terhadap kebersihan.

"Pemeriksaan mendapati ia membabitkan sampah penjaja air kelapa, domestik rumah dan lain-lain, malah dalam operasi Oktober lalu, MDKL berjaya menahan dan menyita sebuah lori atas kesalahan membuang sampah haram di Jalan SP 2 Bandar Saujana Putra," katanya.

Beliau berkata, sebarang tanggapan dan penahanan dibuat atas kesalahan membuang sam-

pah di tempat tidak dibenarkan pihak Majlis di bawah Undang-undang Kecil (UUK) pemungutan, pembuangan dan pelupusan sampah MDKL 2007.

"Pesalah yang gagal menjelaskan kompaun akan berdepan pendakwaan kes di mahkamah ekoran ingkar perintah dan jika sabit kesalahan, boleh dikenakan denda maksima RM2,000," katanya.

Pada masa sama, katanya, MDKL akan terus giat menjalankan operasi untuk menangkap dan mendakwa mereka yang didapati membuat sampah haram supaya masalah itu dapat diselesaikan.

Katanya, kerjasama erat dari-pada agensi kerajaan yang menggerakkan pasukan bagi mengurangkan lokasi hotspot sampah haram juga amat dialu-alukan.



OPERASI SAMPAH HARAM MDKL

47 Operasi dilakukan membabitkan
54 hotspot dengan
18 kompaun dikeluarkan

Elak senarai hitam, bayar kompaun MBPJ sebelum 29 Februari

OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Orang ramai yang mempunyai masalah kompaun daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dinasihatkan menjelaskannya dengan segera dalam tempoh Kempen Bayaran Kompaun, sehingga 29 Februari ini.

Kempen bermula 1 Disember tahun lalu bagi kemudahan orang ramai berbuat demikian ekoran pihak berkuasa tempatan (PBT) itu memberikan kelonggaran kepada pengguna dengan diskau sehingga 80 peratus.

Jurucakapnya berkata, MBPJ berharap orang ramai terutama di sekitar bandar raya itu mengambil kesempatan untuk menyelesaikannya bagi mengelak meraka dikenakan tindakan susulan.

"MBPJ memperoleh kuasa un-

tuk menyenarai hitamkan pemilik kenderaan yang mempunyai tunggakan kompaun lalu lintas tidak berbayar daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dalam pelaksanaannya, pada Disember tahun lalu.

"Sehubungan itu, MBPJ menyatakan kerjasama daripada pemilik kenderaan yang masih belum menjelaskan kompaun tertunggak dapat berbuat demikian untuk mengelak daripada disenaraihitamkan," katanya dalam kenyataan.

MBPJ berjaya memperoleh kutipan RM548,455 membabitkan 35,729 kompaun berbayar, sehingga 6 Januari lalu.

Untuk semakan kompaun dan maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Jabatan Pengetahuan MBPJ di talian 03-79602658.

MBPJ memperoleh kuasa untuk menyenarai hitamkan pemilik kenderaan yang mempunyai tunggakan kompaun lalu lintas tidak berbayar daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dalam pelaksanaannya, pada Disember tahun lalu



MBPJ anjur Earth Hour 19 Mac

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menganjurkan Earth Hour 2016 Night Walk di Padang Timur pada 19 Mac depan mulai jam 8.30 hingga 9.30 malam.

Penganjuran bersama WWF-Malaysia berikutnya kejayaan dalam program tahun lalu hingga melayakkan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu memenangi gelaran sulung 'Malaysia's National Earth Hour Capital in the Earth Hour City Challenge (EHCC) 2015'.

Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, Johary Anuar, berkata pengiktirafan EHCC menjadi pendorong kepada MBPJ bagi meneruskan program itu di samping usaha berterusan mewujudkan persekitaran hijau di kawasan bandar raya berkenaan.

"Ini usaha jangka panjang untuk menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar raya mampan."

"Kita akan terus mendidik masyarakat bagi menyemai ta-tibat memelihara alam sekitar skim rebat penilaian untuk program mesra alam."

dan memupuk semangat kejiranan demi kebaikan serta kemajuan kita bersama," katanya.

Kempen Earth Hour adalah program pemuliharaan alam sekitar global dimulakan WWF ke arah masa hadapan lebih baik dan mesra alam.

Semua pihak termasuk masyarakat dan premis perniagaan diminta mematikan lampu selama satu jam pada 19 Mac depan bermula pada 8.30 malam bagi menyatakan sokongan.

Sehubungan itu bagi menjayakan program ini, orang ramai dijemput menyertainya dengan mendaftar di laman sesawang: www.pandashop.my/earthhour2016.

Selain itu, MBPJ turut meraih pingat perak untuk Anugerah Hijau Apple 2013 di National Self Build and Renovation Centre, Swindon, London serta Duta Hijau Dunia 2014 di London's House of Parliament bagi skim rebat penilaian untuk program mesra alam.



Komit bantu rakyat

1,000 rumah bebas cukai taksiran

OLEH SYASYA SUFIAN

PETALING JAYA - Sebanyak 1,000 buah rumah di kawasan Kampung Chempaka, Petaling Jaya layak menerima pengecualian cukai taksiran yang diluluskan Kerajaan Negeri tahun ini.

Adun Damansara Utama, Yeo Bee Yin, berkata langkah itu memberi manfaat khususnya kepada rakyat berpendapatan rendah bagi meringankan beban mereka.

"Kebanyakan rakyat menyambut baik khabar berita itu selepas dilaksanakan Kerajaan Negeri walaupun sebelum ini ramai kurang pasti kesahihan selepas pembentangan belanjawan 2016 lalu," katanya.

Beliau berkata, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) sudah meluluskan pelaksanaan pengecualian cukai taksiran bagi kategori rumah kos rendah dan rumah kampung.

Pada masa sama, Bee Yin ber-

kata, lesen perniagaan penjaja kecil, pasar malam dan pasar tani di pihak berkuasa tempatan (PBT) juga diberi pengecualian pada 30 Disember 2015.

"Pengecualian cukai taksiran itu diberi secara menyeluruh kepada semua kediaman kos rendah, antaranya rumah dibeli dengan harga RM42,000 dan ke bawah, termasuk rumah Rumah Selangorku Jenis A atau mana-mana rumah dibeli secara *Sub-sale*," katanya.

Dalam pembentangan Belanjawan Selangor 2016 lalu, Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata pengecualian cukai taksiran akan diberikan kepada 167,466 buah rumah kos rendah dan 52,781 rumah kampung.

Selain itu, seramai 67,804 pemegang lesen peniaga kecil seperti peniaga pasar malam, peniaga pasar tani, penjaja dan seumpamanya turut menerima pengecualian fi.

Parkir dibahu jalan sesuka hati, punca trafik sesak

SHAH ALAM - Perbincangan sudah dijalankan bersama Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pihak bertanggungjawab bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas yang berlaku di Jalan Batu Caves berhampiran Kampung Simpang Tiga, Gombak.

Adun Gombak Setia, Hasbullah Mohd Ridzwan, berkata satu mesyuarat sudah diadakan bagi membincangkannya dan tindakan susulan akan diambil bagi mengatasi masalah berkenaan.



Hasbullah

Kesesakan berlaku di kawasan itu ekoran tumpuan orang ramai ke premis perniagaan terutamanya beberapa restoran yang beroperasi 24 jam.

Beliau berkata, masalah kesesakan lalu lintas berlaku di kawasan terbabit akibat sikap pemandu memarkir kenderaan sesuka hati dan tidak pada tempatnya terutama pada waktu puncak.

Katanya, ia ditambah pula dengan kedudukan lampu isyarat tidak selaras antara satu sama lain menyebabkan jalan raya menjadi sempit.

"Keadaan ini mengakibatkan kenderaan yang datang dari pelbagai arah dan lorong menjurus kepada satu lorong hingga berlaku kesesakan," katanya.

Katanya, kawasan di bahu jalan itu sememangnya tidak disediakan ruang parkir kenderaan dan penyediaan ruang terbabit boleh dibuat sekiranya bersesuaian.



Gagal selenggara kolam takungan punca banjir kilat

KELANA JAYA - Kegagalan penyelenggaraan kolam takungan air di SS4C/4 dan saiz terowong saliran kecil sepanjang jalan SS4D/10 menyebabkan penduduk di sini berhadapan banjir kilat.

Kebimbangan menghantui penduduk setempat sejak beberapa tahun lalu ekoran banjir kilat setiap kali hujan lebat.

Wakil penduduk dan mangsa, Kanisan Karuppiyah, berkata mereka tidak boleh meninggalkan kediaman untuk tempoh lama ekoran khawatir dengan limpahan air hujan.

"Saya pernah bercuti di luar

negara ketika rumah dinaiki air selepas dimaklumkan jiran hingga menyebabkan kami bimbang," katanya kepada pemberita.

Katanya, banjir kilat berlaku tidak kurang empat kali setahun ekoran terowong air kecil sepanjang SS4D/10 menyeberangi Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) tidak mampu menampung kapasiti air.

Tinjauan bersama Adun Damansara Utama, Yeo Bee Yin mendapati ia ditutupi rumput serta timbunan pasir.

Projek pembinaan bangunan berdekatan kolam takungan itu

didakwa antara punca timbunan pasir ke longkang dibawa menerusi limpahan air hujan.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Lee Lih Shyan, berkata jadual penyelenggaraan kolam itu hanya dilakukan sekali sebulan.

Katanya, kontraktor pembersihan semasa akan tamat tempoh pada 31 Mac depan dan penyelenggaraan kolam takungan sebanyak dua kali sebulan akan dimasukan dalam tugas kontraktor akan datang.



PERTUBUHAN JURUUKUR DIRAJA MALAYSIA ROYAL INSTITUTION OF SURVEYORS MALAYSIA

Surveyors-Public Engagement Session (SPES)

Pertubuhan Juruukur DiRaja Malaysia atau Royal Institution of Surveyors Malaysia (RISM) bertujuan menawarkan khidmat nasihat secara percuma kepada orang awam yang mungkin memerlukan khidmat nasihat mengenai pelbagai bidang juruukur seperti, Geomatik & Ukur Tanah, Ukur Bahau, Pengurusan Hartanah, Penilaian & Agensi Hartanah serta Ukur Bangunan.

SPES akan diadakan seperti berikut:

Tarikh :	23 Januari 2016 (Sabtu)
Masa :	10.00 pagi - 12.00 tengahari
Tempat :	Tingkat Bawah (LG), Pertubuhan Juruukur DiRaja Malaysia No. 64 & 66, Jalan 52/4, 46200 Petaling Jaya, Selangor

Jadual Program:

MASA	KANDUNGAN PROGRAM
9.45 pagi - 10.00 pagi	Pendaftaran
10.00 pagi - 10.15 pagi	Minuman ringan
10.15 pagi - 10.20 pagi	Pelancaran SPES oleh Presiden RISM
10.20 pagi - 10.40 pagi	Ceramah daripada ahli RISM dalam pelbagai bidang juruukur
10.40 pagi - 12.00 tengahari	Sesi Juruukur bertemu awam

Pertubuhan Juruukur DiRaja Malaysia akan menganjurkan sesi perjumpaan antara ahli-ahli Pertubuhan dengan orang awam yang mungkin memerlukan khidmat nasihat kami. Orang awam dipelawa melawat kami mengikut jadual tertera atau menghubungi RISM untuk temujanji.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Urusetia:

Puan Siti Noor Hanie Salleh

Tel : 603 - 7954 8358 / 7955 1773 / 7956 9728

Emel : secretariat@rism.org.my

Yakin UNISEL terus cemerlang

SHAH ALAM - Universiti Selangor (UNISEL) diyakini akan terus menempa kecemerlangan pendidikan pada masa hadapan dalam mendidik anak bangsa mencapai kemajuan.

Naib Canselor UNISEL, Profesor Datuk Dr Mohammad Redzuan Othman, berkata beliau akan meneruskan usaha dirancang pihak sebelumnya, di samping beberapa penambahbaikan demi kemajuan bersama.

"Sudah tentu apa dilakukan mantan Naib Canselor memberi sumbangan besar akan saya teruskan berikutnya UNISEL mencapai tahap membanggakan, mendapat sambutan pelajar dan menjadi perhatian umum."

"Kita harus membuka sempadan bahan bagi membolehkan UNISEL terus berdaya saing menghadapi cabaran mendatang," katanya dalam sidang media di sini, pada 6 Januari lalu.

Sebelum itu, berlangsung majlis ramah mesra serta serah tugas Presiden dan Naib Canselor antara Profesor Dr Anuar Ahmad dan Dr Mohd Ridzuan.

Dr Mohammad Redzuan berkata, sokongan semua pihak termasuk komitmen Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) membolehkan UNISEL mencipta banyak kejayaan cemerlang pada masa akan datang.

Katanya, penubuhan tabung amanah bagi meningkatkan dana dijalankan UNISEL juga perlu ekoran perkembangan sebuah universiti kini tidak tertakluk kepada geran kerajaan.

"Universiti awam juga sebenarnya berdepan masalah ini kerana geran kerajaan semakin dikurangkan bermakna mereka harus mencari geran sendiri."

"Usaha sebegini sudah dijalankan banyak universiti tersohor antaranya Universiti Al Azhar, Mesir," katanya.

Beliau berkata, usaha jgiat dijalankan bagi terus menambah kemasukan pelajar ke UNISEL.

"Ia antara perkara akan kita usahakan kerana senario kekurangan pelajar ini bukan dihadapi UNISEL sahaja tetapi universiti lain termasuk Universiti Malaya (UM) yang mendapat geran besar daripada kerajaan," kata mantan Pensyarah Jabatan Sejarah UM itu.

Unisel bertuah

Prof Redzuan mampu suburkan ilmu kaji selidik

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Pelantikan Profesor Datuk Dr Mohammad Redzuan Othman sebagai Naib Canselor Universiti Selangor (UNISEL) yang baru memberikan tambah nilai dan menyuburkan budaya ilmu dalam kalangan kakitangan serta pelajar universiti itu.

Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi serta Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata antara bidang mendapat manfaat terbesar bagi pelantikan bekas Pengarah Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Mala (UMCEDEL) itu termasuk bidang kaji selidik, penerbitan dan syarahan.

"Saya ada perancangan terbaru untuk UNISEL dan perkara ini dalam perbincangan. Saya yakin boleh dijayakan sebab Profesor Datuk Ridzuan juga dah bertemu dengan beberapa pihak berkepentingan dalam tempoh beberapa minggu awal."

"Reformasi untuk pendidikan ini adalah sesuatu berterusan dan apabila ada perlantikan baru tentunya memberi nafas baru, saya yakin kita dapat melihat reformasi ini berlaku pada lonjakkan lebih baik lagi. Ini keyakinan bagi pihak saya," kata Nik Nazmi.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan kunjungan hormat ke



pejabat Dr Redzuan di Kampus UNISEL Shah Alam, pada 11 Januari lalu.

Nik Nazmi turut meletakkan keyakinan dan harapan tinggi kepada Dr Redzuan untuk mengangkat nama UNISEL sebagai salah sebuah universiti yang un-

gul di negara ini.

Prof Dr Redzuan semasa masih berkhidmat dengan Universiti Mala terkenal sebagai seorang ahli akademik yang menjalankan beberapa kaji selidik khususnya dalam bidang politik.

Beliau bagaimanapun akh-

irnya dipecat apabila beberapa kaji selidik dijalankan beliau didapati tidak memihak kepada Barisan Nasional (BN).

Pemberhentian Mohd Redzuan itu dibuat kira-kira dua bulan sebelum kontrak beliau tamat.

Tabung Amanah bantu kemajuan

SHAH ALAM - Kewujudan Tabung Amanah Universiti Selangor (UNISEL) membantu perkembangan universiti selain meningkatkan ekonominya.

Mantan Presiden dan Naib Canselornya, Profesor Dr Anuar Ahmad, berkata tabung diusahakan sejak 2014 itu wajar diteruskan bagi membolehkan UNISEL terus melangkah maju.

"Tabung Amanah ini berbentuk sumbangan wakaf dengan pihak berkemampuan boleh menyumbang untuk kemajuan pendidikan."

"Harta dimiliki ada kalanya bukan untuk kita dan kita hanya dia manahkan menjaga, maka kita boleh salurkan untuk pendidikan supaya ia berterusan," katanya dalam sidang media di sini, pada Januari lalu.

Beliau berkata, penyaluran

dana penting bagi perkembangan universiti seperti di Universiti Suleyman Shah, Turki, yang tidak menghadapi masalah kewangan menubuhkan kompleks sendiri ekoran sumbangan USD600 juta daripada seorang harta wan.

Katanya, persekitaran pembelajaran perlu diwujudkan di UNISEL bagi menimbulkan minat kakitangan mengajar dan berkongsi ilmu bersama pelajar.

Mengambil contoh kejayaan Universiti Leicester, United Kingdom, Anuar berkata, 39 peratus pelajarannya mencapai keputusan kelas pertama ekoran pelaksanaan sistem komputer dan kemudahan per-

Tabung Amanah ini berbentuk sumbangan wakaf dengan pihak berkemampuan boleh menyumbang untuk kemajuan pendidikan

PROF DR ANUAR AHMAD

pustakaan dibuka 24 jam.

"Kalau boleh diwujudkan persekitaran pembelajaran sebegini dengan pelajar menunggu hendak datang ke universiti dan pensyarah menunggu untuk mengajar pelajar."

"Dari situ kita boleh wujudkan satu universiti pilihan untuk pelajar," katanya.

Terdahulu, berlangsung majlis serah tugas Presiden dan Naib Canselor UNISEL antara Dr Anuar dan Dr Mohammad Redzuan.





Jangan pandang ringan

Putrajaya patut serius selesai isu insentif padi

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Kerajaan Persekutuan diingatkan supaya tidak memandang enteng isu Insentif Peningkatan Hasil Padi (IPH) yang menimpa petani di Selangor.

Exco Infrastruktur & Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata ia bagi mengelakkkan petani daripada terus terbebas mengusahakan sawah yang menelan kos tinggi.

"Diharap Kerajaan Persekutuan tidak memandang ringan hak sepututnya diterima petani ker-

na mereka memerlukan bantuan sebegini.

"Apakah lagi kini banyak agensi kerajaan dipertanggungjawabkan untuk menguruskan isu pertanian yang sepatutnya lebih efisyen," katanya kepada SelangorKini.

Beliau berkata, setakat ini hanya petani di Sekinchan dimaklumkan menghadapi perkara itu, sementara Kawasan lain sedang dalam semakan.

Sebelum ini, Selangor Kini melaporkan petani di Sekinchan berhadapan isu IPH yang memerlukan penyelesaian segera bagi membela golongan berkenaan.

Adun Sekinchan, Ng Suee Lim, berkata isu itu dihadapi mereka agak lama dan dikatakan sudah tertangguh sejak tiga tahun lalu.

Pada 10 Disember lalu, Suee Lim bersama kira-kira 100 petani dari Sekinchan mengadakan himpunan di hadapan kilang Padiberas Nasional Berhad (Bernes) di sana, supaya masalah pembayaran subsidi dan IPH diselesaikan segera.

Suee Lim juga tidak menolak kemungkinan petani mengadakan himpunan beramai-ramai di Putrajaya sekiranya tiada jalan penyelesaian.

Persekutuan diminta selesai masalah pesawah segera

SABAK BERNAM - Kerajaan Persekutuan digesa segera menyelesaikan masalah pesawah berkenaan kenaikan potongan gred padi oleh Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) di Kilang BERNAS Bagan Terap.

Adun Sabak, Sallehen Mukhyi menyatakan perkara demikian dalam memorandum bantahan pesawah DUN Sabak dan Sungai Panjang terhadap isu itu pada 11 Januari lalu.

Beliau berkata, memorandum itu menuntut janji Kerajaan Persekutuan apabila menyebut menteri menteri berkenaan bahawa gred tidak dinaikkan dan kekal 17 peratus.

Katanya, pada 1 Januari lalu potongan dilakukan BERNAS tetap juga naik pada kadar 20 peratus.

"Walau pun kupon atau subsidi dinaikkan, tetapi pada dasarnya petani masih kerugian hampir RM15 per tan berbanding pada 2015," kata Sallehen di laman facebooknya.

POTONGAN GRED PADI

TAHUN 2015 Potongan 17%

TAHUN 2016 Potongan 20%

Pada 1 Januari lalu potongan dilakukan BERNAS tetap juga naik pada kadar 20 peratus

SALLEHEN MUKHYI Adun Sabak

Memorandum itu juga menuntut pengimportan beras (AP) tidak hanya dimonopoli BERNAS hingga mengakibatkan harga beras naik di pasaran.

"Sekiranya banyak syarikat dapat mengimport beras, tiada monopoli dalam pasaran dan persaingan ini menguntungkan pengguna," katanya.



Kembar siam teruja bila MB ziarah dan hulur bantuan

PUCHONG - Tentunya ramai yang masih ingat kisah pasangan kembar siam Ahmad dan Muhammad Rosli menjalani pembedahan pemisahan dengan dibiayai sepenuhnya Raja Arab Saudi, Almarhum Raja Abdullah Abdul Aziz pada 2002.

Selepas 14 tahun menjalani pembedahan di Riyadh Arab Saudi dengan kos RM1.7 juta itu, Ahmad dan Muhammad yang baru menduduki peperiksaan SPM baru-baru ini kelihatan sihat dan ceria.

Pasangan kembar itu turut teruja apabila Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali menziarahi mereka di Kampung Tengah di sini, 8 Januari lalu.

Dalam kunjungan itu, Mohamed Azmin memberitahu, Kerajaan Negeri akan menghulurkan bantuan membaiayai keperluan pasangan kembar itu dalam masa terdekat.

"Saya gembira dengan perkembangan kedua-dua adik ini apabila mereka kelihatan sihat dan baru sahaja menduduki peperiksaan SPM."

"Kita doakan mereka terus berjaya dalam pelajaran dan lapangan yang mereka ceburi nanti," kata Mohamed Azmin pada sidang media sempena lawatan kerja beliau ke Kampung Bukit Lanchong dan Kampung Seri Aman.

Mohamed Azmin mengambil kesempatan untuk singgah menziarahi Ahmad dan Muhammad semasa dalam perjalanan dari Kampung Bukit Lanchong menuju ke Kampung Seri Aman.

Dalam pertemuan itu, Ahmad dan Muhammad turut berkesempatan menunjukkan album gambar mereka sambil berkongsikan pengalaman semasa di Riyadh untuk menjalani pembedahan dengan Mohamed Azmin.



Komited martabat Islam

MAIS - NGOi kolaborasi perkasa umat

OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) berharap Pertubuhan Islam Bukan Kerajan (NGO-i) dapat memainkan peranan selari dengan matlamat bagi memartabatkan Islam dan umat Islam di Selangor.

Pengerusi Jawatankuasa Penyelarasan NGO-i, Datuk Mohd Shukri Dahlan, berkata usaha itu penting terutama dalam keadaan masa kini banyak isu berkaitan Islam dibangkit pelbagai pihak.

"Tentunya NGO-i sebagai rakan kongsi bagi umat Islam di Selangor dapat bersama memainkan peranan membantu

MAIS menangani masalah di kalangan umat Islam dan juga perkara mencabar khususnya Islam di negeri ini.

"Di sebalik bantuan kita salurkan, diharap mereka akan bangkit bukan sekadar membangunkan umat Islam tetapi

BANTUAN MAIS UNTUK NGO-i	
TAHUN	SUMBANGAN
2015	RM1.58 juta Fasa 1 RM550,000 Fasa 2 RM1.3 juta
2014	RM960,000

bersama memberikan memberikan pandangan membina dalam isu tertentu," katanya kepada pemberita selepas majlis sumbangan dana kepada 75 NGO-i, pada 7 Januari lalu.

Beliau berkata, bantuan RM1.03 juta diagihkan kepada NGO-i bagi fasa kedua dengan jumlah keseluruhan RM1.58 juta bagi tahun lalu. Ia sekaligus mencatatkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya iaitu kira-kira RM960,000.

Katanya, ia berikutan jumlah masyarakat Islam semakin bertambah dan kemudahan pembayaran zakat di Selangor.

"Peruntukan ini adalah wang zakat Selangor untuk membantu pertubuhan Islam supaya mereka dapat melaksanakan program selari dengan matlamat penubuhan NGO-i berkaitan.

"Kita harap ia digunakan sebaik mungkin dan tiada sama sekali digunakan bagi tujuan sebaliknya," katanya.

LZS nafi maklumat viral palsu bantuan umum pelajaran

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) menafikan maklumat berkenaan bantuan RM400 diberikan kepada ibu bapa mempunyai tiga anak bersekolah pada tahun ini, seperti tersebut dan menjadi viral melalui aplikasi WhatsApp dan Facebook sejak awal Januari.

LZS dalam kenyataan media menyatakan selain bantuan pendidikan kepada asnaf fakir dan miskin, LZS menyediakan bantuan umum pelajaran (BUP) di bawah asnaf fisabilillah.

Katanya, permohonan bantuan tersebut terbuka kepada warganegara Malaysia yang beragama Islam, lahir dan menetap di Selangor atau bermastautin dan masih menetap di Selangor tidak kurang dari tiga tahun.

"Ia merupakan sumbangan bagi meringankan beban kewangan ditanggung pelajar yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) dalam dan luar negara serta ibu bapa atau penjaga yang membiayai persekolahan anak-anak mereka setiap tahun," katanya.

Jelas LZS, permohonan tertakluk kepada garis panduan dan syarat kelаяkan ditetapkan.

Pemohon boleh memohon bantuan tersebut pada bulan Januari hingga Mac bagi pelajar pra sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan pelajar IPT.

Manakala permohonan pada bulan Julai hingga September hanya dibuka bagi pelajar IPT sahaja.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut

1-800-88-5353

www.zakatselangor.com.my

Lembaga Zakat Selangor

"Walau bagaimanapun, permohonan BUP bagi pelajar tahun pertama di IPT dibuka sepanjang tahun. Pemohon hanya boleh memohon sekali dalam tempoh setahun," katanya.

Sehubungan dengan itu, LZS memohon semua pihak agar tidak terus menyebarkan maklumat yang diviralkan.

LZS bantu keluarga hadapi penyakit kulit rapuh

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) menghulurkan bantuan RM2,000 kepada Suziyana Jamaludin apabila anaknya Cahaya Amanda menghidap penyakit Epidermolysis Bullosa E-B, sejenis penyakit kulit rapuh.

LZS di laman facebooknya menyatakan turut menyalurkan bantuan kewangan bulanan, membiayai rumah sewa, bantuan hari raya dan membiayai bil utiliti dan bantuan lain untuk keluarga terbabit.

"Berat mata kita memandang, berat lagi bahu mereka yang memikul. Ingin dikongsikan di sini, kami di Lembaga Zakat Selangor (LZS) juga turut menyalurkan

wang zakat bagi membantu adik dan keluarga ini sejak tahun lalu.

"Semoga bantuan zakat disalurkan kepada keluarga ini dapat meringankan dugaan dihadapi dan adik cepat sembuh."

"Inilah berkaitnya zakat. Zakat disalurkan dapat membantu mereka memerlukan. Terima kasih pembayar zakat menunaikan zakat," kata LZS.

Sebelum ini, kehidupan keluarga kepada bayi yang menghidap penyakit itu tertekan ekoran kos penjagaan dan rawatan mencecah sehingga RM4,000 sebulan tidak mampu ditanggung keluarga itu ekoran pendapatan rendah.



Empat bilik SMK Meru terbakar

KLANG - Empat bilik di Sekolah Menengah Kebangsaan Meru, Jalan Bukit Kapar, Klang musnah dalam kebakaran awal pagi 12 Januari lalu.

Kelas yang terletak di tingkat dua itu dipercayai terbakar pada jam 5.30 pagi sebelum Jabatan Bomba dan Penyelamat tiba pada jam 5.56 pagi hari kejadian.

Adun Meru, Dr Abdul Rani Osman turun padang melawat sekolah terbabit dan mengucapkan terima kasih kepada bomba di bawah pimpinan Tuan Zaidi yang bertindak cepat dan berjaya mengawal api dari merebak kebahagian lain.

Beliau melawat sekolah itu bersama Ketua Kampung Tuan

Haji Thaifor dan Jabatan Amal Malaysia Kawasan Kapar meninjau keadaan sebelum meneruskan pelbagai lagi program di DUN Meru.

Sementara itu, Bernama melaporkan Pengarah Pendidikan Selangor Zainuren Mohd Nor berkata sesi pembelajaran diteruskan seperti biasa berikutan kebakaran itu hanya membabitkan bilik darjah yang menempatkan bilik disiplin serta makmal.

"Kejadian itu juga tidak membabitkan pelajar dan kakitangan sekolah disebabkan kebakaran tersebut berlaku awal pagi iaitu sebelum sesi pembelajaran bermula," katanya.

SUMBANGAN BAGI TUJUAN

- Pengajian Al-Quran secara percuma
- Menyiapkan bangunan Rumah Ngaji di Batu Caves

#KitakanIslam

BUAT KERANA ALLAH

RUMAH MAGHFIRAH REDHAMU

Maklumat lanjut hubungi: 019-2535794
No Akaun: 8602413238 (CIMB)



Piala FA

Selangor diundi bertemu AirAsia Allstars FC

SHAH ALAM - Juara lima kali, Selangor diundi bertemu pasukan dari Liga FAM, AirAsia Allstars FC untuk perlawanan pusingan kedua Piala FA 2016 pada majlis undian yang berlangsung di Hotel Grand BlueWave, Shah Alam, pada 9 Januari lalu.

Selangor bersama 28 pasukan lain mendapat bye pusingan pertama yang hanya melibatkan tiga perlawanan iaitu membabitkan enam pasukan dari Liga FAM – Megah Murni Iwn MISIC-MIFA, UKM FC Iwn Hanelang FC dan Felcra FC Iwn Penjara FC.

Jika berjaya menewaskan AirAsia Allstars FC kendalian jurulatih Nizam Jamil di pusingan kedua itu, Selangor akan mara ke pusingan ketiga yang mana undian semula akan dibuat bagi menentukan pasukan lawan, lapor laman sesawang FA Selangor.

Musim lalu, Selangor yang turut mendapat bye pusingan pertama berjaya menyingkirkan Felda United kendalian Irwan Bakti Abu Salim di pusingan kedua menerusi kemenangan 4-2 pada penentuan sepakan penalti selepas kedudukan terikat 2-2 pada aksi yang berlangsung di



PIALA FA

- Diperkenalkan pada 1990
- Selangor pasukan terbanyak menjuarai Piala FA iaitu pada 1991, 1997, 2001, 2005 dan 2009

Stadium Selangor.

Namun, Selangor gagal ke suku akhir apabila kandas di pusingan ketiga selepas tewas 3-1 kepada Terengganu bimbangkan Abdul Rahman Ibrahim di Stadium Shah Alam pada aksi yang berlurutannya ke masa tambahan selepas kedudukan masa penuh 90 minit terikat 1-1.

Selepas dua musim dibimbing jurulatih Mehmet Durakovic sehingga kemuncaknya berjaya menjuarai Piala Malaysia 2015 pada Disember lalu, Selangor untuk saingan Liga Malaysia 2016 akan dikendalikan jurulatih baharu, Zainal Abidin Hassan, bekas pengendali Pahang musim lalu.

'Ride For Glory' uji ketahanan fizikal

PULAU INDAH - Pertama kali dalam sejarah, Pulau Indah menjadi lokasi pengajuran acara kayuhan basikal sejauh 180 kilometer (km).

Acara bertemakan 'Ride For Glory' itu akan menghimpunkan 1,000 peserta dari dalam dan luar negara membabitkan Indonesia, Singapura, Great Britain, Amerika Syarikat, China dan Sepanyol.

Penyelaras Projek Pulau Indah 180, Juned Mustafa, berkata program yang dijadualkan berlangsung pada 17 Januari itu berbeza daripada kebiasaan ekoran jaraknya yang jauh menguji ketahanan fizikal peserta.

"Acara ini unik. Kebiasaannya pergi jauh adalah 160km dan peserta perlu melalui Pulau Indah, Banting, Bandar Enstek, Sepang dan kembali

semula ke Pulau Indah.

"Hanya cuaca akan menentukan perserta mana lebih kuat memandangkan laluan dan jarak itu sangat mencabar," katanya kepada Selangor Kini.

Program kendalian Central Spectrum Sdn Bhd itu bertujuan mempromosikan aktiviti sihat di samping memperkenalkan industri Halal Hub di Selangor.

Pada masa sama, Juned berkata, sebanyak empat kategori dipertandingkan iaitu terbuka, junior veteran, veteran dan wanita yang menerima RM1,500.

sambutan memberangsangkan.

Katanya, program itu bakal menjadi acara tahunan dan turut membabitkan kakitangan Central Spectrum.

"Kita berpegang kepada konsep pekerja sihat akan meningkatkan produktiviti, justeru kita mahu semua peserta turut mendapat manfaatnya dan lebih menjaga kesihatan," katanya.

Acara itu menawarkan wang tunai RM3,000 bagi juara setiap kategori, RM2,000 bagi naib johan sememangnya tempat ketiga bakal menerima RM1,500.



Pencarian bakat baru Cub Prix bermula

SHAH ALAM - Pendaftaran bagi sesi pemilihan pelumba untuk kategori Perlumbaan Kategori Satu Pengeluar (OMR) Kejurnas Cub Prix AAM Malaysia PETRONAS bagi musim 2016 kini dibuka.

Sama seperti musim lepas, perlumbaan dianjurkan bersama pengeluar, Boon Siew Honda Sdn Bhd dan Hong Leong Yamaha Motor Malaysia Sdn Bhd ini tersusun memainkan peranan penting dalam melahirkan pelumba berbakat khususnya remaja.

Antara bakat yang lahir dari program ini termasuk dua pelumba di bawah Program Pembangunan Bakat Pelumba PETRONAS ketika ini, Hafizh Syahrin Abdullah (Moto2) dan Mohd Ramdan Mohd Rosli (Moto3) yang memulakan karier dalam siri perlumbaan Yamaha.

Manakala, Mohd Zulfahmi Khairuddin memulakan karier di dalam siri perlumbaan Junior GP pada 2007. Turut mengikut jejak ialah

i **Hubungi SAM**

03-87338787

daftar1make@twmr.com.my

Malaysian Cub Prix

Pendaftaran dibuka kepada pelumba berumur 13 - 25 tahun. Tarikh tutup pendaftaran pada 5 Februari

pelumba berusia 18 tahun, Khairul Idham Pawi yang bakal beraksi dalam saingan Moto3 Kejuraan Grand Prix Dunia.

Khairul memperlihatkan aksi cemerlang meraih tiga podium dalam saingan Kejuraan Moto3 Remaja Dunia CEV Sepanyol musim lepas selepas menjuarai dua kelas perlumbaan, Wira dan Asia Dream Cup (ADC) pada musim 2014.



WAKTU SOLAT SELANGOR						
15 - 22 JANUARI 2016						
5 - 12 RABIULAKHIR 1437H						
<i>Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam</i>						
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib
15 Jumaat	5.54	6.04	7.23	1:25	4:48	7:22
16 Sabtu	5.54	6.04	7.23	1:26	4:48	7:22
17 Ahad	5.55	6.05	7.24	1:26	4:48	7:23
18 Isnin	5.55	6.05	7.24	1:26	4:48	7:23
19 Selasa	5.56	6.06	7.24	1:27	4:49	7:23
20 Rabu	5.56	6.06	7.24	1:27	4:49	7:24
21 Khamis	5.56	6.06	7.25	1:27	4:49	7:24
22 Jumaat	5.57	6.07	7.25	1:27	4:49	7:25
<i>Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat</i>						
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib
15 Jumaat	5.56	6.06	7.27	1:27	4:49	7:24
16 Sabtu	5.56	6.06	7.28	1:28	4:50	7:24
17 Ahad	5.57	6.07	7.28	1:28	4:50	7:25
18 Isnin	5.57	6.07	7.28	1:28	4:50	7:25
19 Selasa	5.58	6.08	7.29	1:29	4:51	7:25
20 Rabu	5.58	6.08	7.29	1:29	4:51	7:26
21 Khamis	5.58	6.08	7.29	1:29	4:51	7:26
22 Jumaat	5.59	6.09	7.29	1:29	4:51	7:26



Gambar oleh Astri Samsie

Dataran Kemerdekaan Shah Alam menjadi kawasan tumpuan masyarakat membawa keluarga beriadah serta mengukuhkan hubungan kekeluargaan dengan pelbagai aktiviti menarik seperti bermain buih gergasi, berbasikal, berkasut roda dan senaman kecergasan

Jadual padat bukan penghalang

Red Giants tumpu Piala FA

SHAH ALAM - Skuad Red Giants tetap memberi tumpuan terhadap saingan Piala FA biarpun mereka bakal berdepan jadual padat menghadapi saingan Liga Super, Piala Malaysia dan Piala AFC musim ini.

Pengurus Pasukan Selangor, Amirudin Shari, berkata pasukan itu merancang strategi berdasar-

kan keupayaan dan situasi semasa.

"Semua pertandingan kita beri tumpuan. Itu sudah pasti. Kalau ditanya berapa piala mahu dimenangi, kalau boleh kita mahu semua piala," kata Amirudin ditemui laman sesawang FA Selangor.

Pada majlis undian Piala FA 2016 yang berlangsung di Hotel BlueWave, Shah Alam, pada 9 Januari lalu, Selangor mendapat bye pusingan pertama dan bakal

bertemu pasukan Liga FAM, AirAsia Allstars FC di pusingan kedua yang dijadual pada 19 Februari ini.

Empat hari selepas itu, Selangor bakal beraksi perlawanan pertama peringkat kumpulan bagi saingan Piala AFC 2016 bertemu kelab Filipina, Ceres FC di tempat lawan pada 23 Februari.

Saingan Piala FA ini bergantung kepada undian dengan Selangor diundi bertemu AirAsia Allstars FC di pusingan kedua. Selepas itu, undian akan dilakukan sekali lagi oleh pihak pengajur untuk perlawanan pusingan ketiga, jika kita berjaya layak.

"Dari awal, saya sudah bererti yang musim 2016 ini, Selangor akan berdepan perlawanan lebih banyak kerana kita beraksi di Piala AFC. Jadi kita sudah bersedia untuk ke arah itu," kata Amirudin.

Media Selangor media rasmi FAS

SHAH ALAM - Media Selangor diangkat sebagai media rasmi Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) untuk kempen Liga Malaysia musim ini serta program pembangunan bola sepak di Selangor.

Pengurus Selangor, Amirudin Shari, berkata keputusan itu dibuat selaras dengan peranan agensi media terbabit sebagai lida rasmi Kerajaan Negeri.

"La pastinya memberi kelebihan apabila hebatan media tersiar menerusi Selangor Kini dan TVSelangor mengenai perkembangan dan perlawanan membatik Red Giants dalam kejohanan bola sepak tempatan serta antarabangsa termasuk pembangunan bola sepak negeri."

"Satu jawatankuasa juga dibentuk bagi melancarkan gerak kerja dan proses penyiaran berita," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan itu mempergerusikan mesyuarat berhubung perkara



terbabit di sini, pada 11 Januari lalu.

Beliau berkata, pihaknya akan membuat satu garis panduan berkaitan perkara itu bagi kemudahan semua termasuk media.

Selangor dijangka akan mengadakan majlis pelancaran pasukan bagi Liga Super musim ini di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) di sini, pada 6 Februari depan.

"La majlis memperkenalkan pegawai, pemain dan semua dalam pasukan termasuk perkara berkaitan seperti jersi dan lagu rasmi Red Giants," katanya.



Kalau ditanya berapa piala mahu dimenangi, kalau boleh kita nak semua piala

AMIRUDIN SHARI

Pengurus Pasukan Selangor

Diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Dicetak oleh Angkatan Edaran Ent Sdn Bhd Lot 6, Jln Tukang 16/4, Sek. 16, 40000, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Tel : 03-5519 6373 Fax : 03-5512 7985